



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**PENGARUH SEMANGAT KEKITAAN DAN PENGHAYATAN SEJARAH
TERHADAP PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM
KALANGAN MAHASISWA PELBAGAI ETNIK DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA**

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR

FEM 2016 45



**PENGARUH SEMANGAT KEKITAAN DAN PENGHAYATAN SEJARAH
TERHADAP PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM
KALANGAN MAHASISWA PELBAGAI ETNIK DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA**

Oleh

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR

**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah**

Oktober 2016

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk tanpa had teks, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terlebih dahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



DEDIKASI

Kanda,

Ku titip ini atas redha mu.

Bonda & Ayahanda/mertua,

Ku junjung kasih 'melahirkan' kami.

Anakanda,

Ya Allah, ku memohon dakapi mereka dalam rahmat Mu.

Keluarga,

Tautan cinta bertali ke syurga.



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia
sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

**PENGARUH SEMANGAT KEKITAAN DAN PENGHAYATAN SEJARAH
TERHADAP PEMARTABATAN BAHASA KEBANGSAAN DALAM
KALANGAN MAHASISWA PELBAGAI ETNIK DI INSTITUSI PENGAJIAN
TINGGI MALAYSIA**

Oleh

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR

Oktober 2016

Pengerusi: Adlina Ab. Halim, PhD

Fakulti: Ekologi Manusia

Ibnu Khaldun dalam karangan beliau *Mukadimah*, begitu menekankan faktor kekuatan '*asabiyyah*' atau semangat kekitaan yang menjadi teras kepada kekuatan sesebuah tamadun. Walau bagaimanapun, semangat kekitaan ini mulai pudar apabila generasi muda tidak menghayati sepenuhnya sejarah tanah air sehingga mengabaikan nilai-nilai tradisi yang termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, antaranya mengenai Perkara 152, bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Justeru, satu kajian yang mendalam perlu dilaksanakan untuk, pertama) mengenal pasti tahap semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan, kedua) menentukan perbezaan semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan berdasarkan etnik, jenis Institut Pengajian Tinggi (IPT), bidang pengajian dan aliran pendidikan sekolah menengah, ketiga) menganalisis pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemartabatan bahasa kebangsaan, dan keempat) menganalisis faktor etnik yang bertindak sebagai moderator kepada hubungan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dengan pemartabatan bahasa kebangsaan. Kajian ini dijalankan secara kuantitatif melalui pengedaran borang soal selidik ke atas 432 mahasiswa Sarjana Muda di empat buah IPT yang terpilih secara rawak di kawasan Lembah Klang, iaitu UPM dan UM (dua dari IPTA) serta MMU dan UNISEL (dua dari IPTS). Walau bagaimanapun, hanya seramai 407 mahasiswa yang terlibat dalam penganalisan setelah saringan data dijalankan bagi memenuhi syarat-syarat penganalisan data empirikal. Pemilihan mahasiswa pula adalah berdasarkan kaedah Pensampelan Rawak Berstrata dengan mengambil kira nisbah stratifikasi populasi etnik di Malaysia (60:Melayu, 30:Cina dan 10:India). Dapatan kajian bagi objektif pertama menunjukkan bahawa tahap semangat kekitaan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik di IPT adalah tinggi namun dimensi semangat berjuang dan sanggup berkorban demi negara di tahap yang sederhana. Demikian juga penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan hanya di

tahap sederhana. Dapatan kajian objektif kedua pula mendapati bahawa wujud perbezaan semangat kekitaan dan pemartabatan bahasa kebangsaan berdasarkan etnik. Selain itu, wujud juga perbezaan pemartabatan bahasa kebangsaan berdasarkan aliran pendidikan sekolah menengah. Seterusnya, dapatan kajian bagi objektif ketiga menunjukkan bahawa semangat kekitaan dan penghayatan sejarah mempengaruhi secara positif dan signifikan terhadap pemartabatan bahasa kebangsaan. Walaupun demikian, dapatan kajian objektif keempat mendapati bahawa etnik tidak bertindak sebagai moderator bagi hubungan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dengan pemartabatan bahasa kebangsaan. Justeru, secara keseluruhannya, dapatan kajian memberi petunjuk bahawa senario pudarnya semangat berjuang serta berkorban, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan generasi muda pelbagai etnik di IPT ini tidak boleh dipandang ringan kerana semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terbukti dapat memberi pengaruh terhadap pemartabatan bahasa kebangsaan yang menjadi penentu kepada kekuatan tamadun Malaysia. Dalam konteks ini, perbincangan Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun yang dipelopori 600 tahun dahulu, didapati masih relevan untuk diaplikasikan dalam senario masa kini masyarakat multi etnik di Malaysia.

Abstract of thesis presented to the Senat of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**INFLUENCE OF ESPRIT DE CORPS AND APPRECIATION OF HISTORY
TOWARDS UPHOLDING OF NATIONAL LANGUAGE AMONG MULTI-
ETHNIC UNDERGRADUATES IN INSTITUTIONS OF HIGHER EDUCATION
MALAYSIA**

By

SITI NOR AZHANI MOHD TOHAR

October 2016

Chairman: Adlina Ab. Halim, PhD
Faculty: Human Ecology

Ibn Khaldun in his writing *Mukadimah*, strongly emphasized the power of *'asabiyyah* or the esprit de corps as being fundamental to the stature of a civilization. However, this esprit de corps has begun to diminish when the younger generation does not fully appreciate the history of the country that neglected traditional values enshrined within the Federal Constitution, principally Article 152, the Malay language as being the national language. Therefore, an in-depth study needs to be done to, first) identify the level of esprit de corps, appreciation of history and upholding the national language, second) determine the difference between esprit de corps, appreciation of history and upholding the national language based on ethnicity, type of Institution of Higher Education (IHE), field of study and educational stream in secondary schools, third) analyze the influence of esprit de corps and appreciation of history towards upholding the national language, and fourth) analyze ethnic factor as moderator in relations between esprit de corps and appreciation of history with upholding of the national language. This study was done by quantitative through distribution of questionnaires on 432 undergraduates in four randomly selected IHEs in the Klang Valley, namely UPM and UM (two from Public IHEs) and MMU and UNISEL (two from Private IHEs). However, only 407 undergraduates were involved in the analysis after the screening of data was performed to fulfill the requirements of the empirical data analysis. The selection of respondents was done by the method of Stratified Random Sampling which taking into account the ratio of the population of ethnic stratification in Malaysia (60: Malay, 30: Chinese, and 10: Indians). Research finding for the first objective indicated that the level of esprit de corps among multi-ethnic undergraduates in IHEs was high, however, the dimension of battling spirit and willingness to sacrifice for the nation was at a moderate level. Similarly for appreciation of history and upholding the national language which at moderate levels. Research finding for the second objective also found differences in esprit de corps and upholding of national language according to

the ethnicity. Besides that, there was also a difference in upholding of the national language according to the educational stream in secondary school. Furthermore, research finding for the third objective indicated that esprit de corps and appreciation of history had a positive and significant influence towards upholding of the national language. Nevertheless, research finding for the fourth objective found that ethnicity did not act as a moderator in the relationship between esprit de corps and appreciation of history with upholding the national language. Thus, as overall, research findings signify that the diminishing scenario of battling and sacrifice spirit, appreciation of history and the upholding of the national language among the multi-ethnic younger generation in IHEs cannot be taken easily as esprit de corps and appreciation of history have proved can influence towards upholding the national language which determining the strength of the Malaysian civilization. In this context, discussion of Ibn Khaldun's Theory of Esprit De Corps established 600 years ago, is still found relevant to be applied in the current scenario of the multi-ethnic society in Malaysia.

PENGHARGAAN

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Maha Mengasihani.

Segala pujian dan kesyukuran kepada Allah S.W.T, Tuhan sekalian alam, selawat dan salam atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W, ahli keluarga dan para sahabatnya. Syukur atas limpahan nikmat-Nya dan atas kudrat yang dipinjamkan ini, akhirnya selesai sudah tesis yang bertajuk “Pengaruh Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah terhadap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam Kalangan Mahasiswa Pelbagai Etnik di IPT Malaysia”.

Sejuta kasih dan setulus penghargaan buat suami, Mohd Rizal bin Mohd Idris atas tulus redha dan pengorbanannya, menjadikan tesis ini lebih sempurna. Pasti juga kepada ibu, Siti Azizah binti Maasom, walaupun semakin dimamah usia namun tidak jemu-jemu memastikan kebahagiaan anak-anaknya, dan bapa, Mohd Tohar bin Dimin yang telah membesarkan dan mendidik diri ini menjadi seorang insan. Khas juga buat ibu dan bapa mertua, Mohd Idris bin Yusuf dan Azizah binti Abd. Hamid yang berterusan mendoakan kebahagiaan anak-anak mereka. Tidak dilupakan adik-beradik serta ahli keluarga sekalian yang membantu dan membakar semangat untuk terus berjuang.

Setulus penghargaan buat penyelia, Dr. Adlina Ab. Halim atas bimbingan, kesempatan masa dan tenaga yang diberikan serta segala tunjuk ajar yang telah dicurahkan. Setulus penghargaan juga buat ahli-ahli jawatankuasa penyeliaan, Dr. Ku Hasnita Ku Samsu dan Prof. Emeritus Dr. Hashim Musa atas sokongan moral, nasihat, kesempatan masa juga tenaga dan segala tunjuk ajar dalam melengkapkan lagi tesis ini. Tidak dilupakan juga para pensyarah yang pernah turut membantu dengan seikhlas hati dalam menambah baik tesis.

Penghargaan istimewa juga buat teman-teman, Nurul Nadia, Wan Nor Azilawanie, Khairul Huda, Nor Jumaaton, Siti Rahah, Masitah Esa, Fauziah Ani, Amin Saifulizam, Asbah, Vincent, Balkis, Pn. Askiah, Roslizawati, Noraini & Zaidah serta teman-teman seperjuangan yang lain yang pastinya turut sama berkongsi cerita, ilmu dan saling memberi kekuatan semangat antara satu sama lain.

Setinggi-tinggi penghargaan buat semua pentadbiran IPT yang telah memberikan ruang dan peluang untuk saya menjalankan kajian di institusi masing-masing serta kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama sebaik mungkin.

Setinggi-tinggi penghargaan buat Kementerian Pengajian Tinggi dan UPM yang telah membantu dalam pembiayaan pengajian ini. Tidak lupa juga buat seluruh warga Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan serta warga Fakulti Ekologi Manusia dalam memberi bantuan dan kerjasama sepanjang melanjutkan pengajian di fakulti ini.

Tiada kata yang dapat mengungkap rasa penghargaan yang ikhlas dari hati kepada semua yang telah terlibat dalam usaha untuk menyiapkan tesis dan pengajian ini. Hanya doa yang mampu dipanjatkan agar semua diberkati dan diberi kesenangan dunia dan akhirat. Amin.

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

Adlina Ab. Halim, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Ku Hasnita Ku Samsu, PhD
Pensyarah Kanan
Fakulti Ekologi Manusia
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

Hashim Musa, PhD
Profesor Emeritus
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

ROBIAH BINTI YUNUS, PhD
Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

JADUAL KANDUNGAN

Muka Surat

ABSTRAK	i
ABSTRACT	iii
PENGHARGAAN	v
PENGESAHAN	vi
PERAKUAN	viii
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xv

BAB

1	Pengenalan	1
1.1	Latar Belakang Kajian	1
1.2	Permasalahan Kajian	5
1.3	Persoalan Kajian	10
1.4	Objektif Kajian	11
1.5	Hipotesis Kajian	11
1.6	Definisi Istilah	12
1.6.1	Semangat Kekitaan	12
1.6.2	Penghayatan Sejarah	13
1.6.3	Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	14
1.7	Pengaplikasian Teori	15
1.8	Kerangka Kajian	20
1.9	Kepentingan Kajian	24
1.10	Skop dan Batasan Kajian	26
1.11	Kesimpulan	27
2	Sorotan Literatur	28
2.1	Pendahuluan	28
2.2	Teori Kajian	28
2.2.1	Latar Belakang Ibnu Khaldun	28
2.2.2	Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun	30
2.2.3	Keselarian Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dengan Teori Kontemporari	36
2.3	Kepentingan Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah	39
2.3.1	Semangat Kekitaan dalam Konteks Masyarakat Multietnik	39
2.3.2	Semangat Kekitaan dan Konsep Identiti Nasional	43
2.3.3	Semangat Kekitaan dalam Kalangan Generasi Muda di Malaysia	48
2.3.4	Penghayatan Sejarah dalam Kalangan Generasi Muda di Malaysia	51

2.4	Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dalam Tamadun Malaysia	56
2.4.1	Bahasa sebagai Ilmu Falsafah	56
2.4.2	Cabaran dan Masa Depan Bahasa Kebangsaan dalam Tamadun Malaysia	60
2.5	Pengaruh Etnik dalam Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan di Malaysia	64
2.6	Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan di Negara Luar	66
2.7	Kesimpulan	75

3	METODOLOGI KAJIAN	76
3.1	Pendahuluan	76
3.2	Reka Bentuk Kajian	76
3.2.1	Kajian Korelasi	77
3.2.2	Kajian secara Rentas Silang (<i>Cross-Sectional</i>)	78
3.2.3	Data Kuantitatif secara Pengedaran Borang Soal Selidik	78
3.3	Data Kajian	79
3.3.1	Data Sekunder	79
3.3.2	Data Primer	79
3.4	Lokasi dan Responden Kajian	79
3.4.1	Lokasi Kajian	80
3.4.2	Responden Kajian	81
3.5	Pensampelan Kajian	81
3.5.1	Saiz Pensampelan	82
3.6	Instrumen Kajian	85
3.6.1	Pembentukan Instrumen Semangat Kekitaan	87
3.6.2	Pembentukan Instrumen Penghayatan Sejarah	87
3.6.3	Pembentukan Instrumen Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	88
3.6.4	Penentuan Skala Pengukuran	88
3.7	Etika Kajian	89
3.8	Pra Uji	90
3.9	Kesahan	91
3.9.1	Kesahan Kandungan (<i>Content Validity</i>)	91
3.9.2	Kesahan Konstruk (<i>Construct Validity</i>)	92
3.9.2.1	Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	93
3.9.2.2	Analisis Faktor Pengesahan (CFA)	97
3.10	Teknik Pengumpulan Data	104
3.11	Penganalisan Data	105
3.11.1	Syarat-syarat Data Empirikal	105
3.11.1.1	Kenormalan	105
3.11.1.2	<i>Outliers</i>	106
3.11.1.3	<i>Multicollinearity</i>	108
3.11.2	Analisis Deskriptif	109
3.11.3	Analisis Inferensi	109

3.12	Kesimpulan	112
4	DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN	113
4.1	Pendahuluan	113
4.2	Profil Demografi	113
4.3	Tahap Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	115
4.3.1	Tahap Semangat Kekitaan	115
4.3.2	Tahap Penghayatan Sejarah	122
4.3.3	Tahap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	126
4.4	Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan dan Ciri-ciri Demografi	130
4.4.1	Perbezaan berdasarkan Etnik	132
4.4.2	Perbezaan berdasarkan Jenis IPT	137
4.4.3	Perbezaan berdasarkan Bidang Pengajian	140
4.4.5	Perbezaan berdasarkan Aliran Pendidikan Sekolah Menengah	142
4.5	Pengaruh Semangat Kekitaan dan Penghayatan Sejarah terhadap Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	146
4.6	Pengaruh Etnik terhadap Hubungan antara Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	151
4.7	Ringkasan Dapatan Keseluruhan	157
4.8	Kesimpulan	160
5	RUMUSAN, IMPLIKASI DAN CADANGAN	161
5.1	Pendahuluan	161
5.2	Rumusan	161
5.3	Implikasi Kajian	165
5.4	Cadangan	168
5.4.1	Cadangan kepada Penyelidik akan Datang	168
5.4.2	Cadangan kepada Penggubal Dasar, IPT dan Golongan-golongan Sasaran	169
5.4.2.1	Cadangan kepada Penggubal Dasar	169
5.4.2.2	Cadangan kepada Institusi Pengajian Tinggi	172
5.4.2.3	Cadangan kepada Media Massa	173
5.4.2.4	Cadangan kepada Generasi Muda	174
5.4.2.5	Cadangan kepada Masyarakat Umum	175
5.5	Kesimpulan	176
	RUJUKAN	178
	LAMPIRAN	200
	BIODATA PELAJAR	201
	SENARAI PENERBITAN	202

SENARAI JADUAL

Jadual		Muka Surat
1	<i>Cronbach Alpha</i> Pra Uji	91
2	Hasil Analisis Faktor Penerokaan (EFA)	95
3	Syarat Penerimaan bagi Kesepadanan Model	97
4	Hasil Analisis Kesahan Menumpu (<i>Convergent Validity</i>)	102
5	Korelasi Kuasa Dua bagi Hubungan antara Dua Pemboleh Ubah	103
6	Hasil Analisis Kenormalan	106
7	Analisis <i>Outliers</i>	107
8	Perkaitan antara Pemboleh ubah-pemboleh ubah Pemand	108
9	Mekanisme Penganalisan Objektif dan Hipotesis	110
10	Profil Demografi	114
11	Tahap Semangat Kekitaan Mahasiswa IPT	117
12	Tahap Penghayatan Sejarah Mahasiswa IPT	123
13	Tahap Pemartabatan bahasa kebangsaan Mahasiswa IPT	127
14	Ujian <i>Levene</i> bagi Analisis Kehomogenan Varian	131
15	Saiz Kesan dan Nilai <i>eta squared</i>	132
16	Ujian ANOVA Sehala bagi Analisis Perbezaan Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Etnik	133
17	Ujian <i>Tukey HSD</i> bagi Analisis Perbandingan <i>Post-hoc</i> untuk Analisis Perbezaan Berdasarkan Etnik	134
18	Ujian T Tidak Bersandar bagi Analisis Perbezaan Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Jenis IPT	138
19	Ujian T Tidak Bersandar bagi Analisis Perbezaan Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Bidang Pengajian	141
20	Ujian ANOVA Sehala bagi Analisis Perbezaan Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Aliran Pendidikan Sekolah Menengah	143
21	Ujian <i>Tukey HSD</i> bagi Analisis Perbandingan <i>Post-hoc</i> untuk Analisis Perbezaan Berdasarkan Aliran Pendidikan Sekolah Menengah	144
22	Anggaran Parameter Struktur Model Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	149
23	Petunjuk Kesepadanan <i>Variant Model</i> dan <i>Invariant Model</i>	152
24	<i>Nested Model Comparison</i>	153
25	Ujian Moderator Etnik ke atas Hubungan Prediktor dengan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan	153
26	Ringkasan Ujian ANOVA Sehala bagi Analisis Perbezaan Semangat Kekitaan, Penghayatan Sejarah dan Pemartabatan Bahasa Kebangsaan Berdasarkan Etnik	156
27	Rumusan Penganalisan Kajian	157

SENARAI RAJAH

Rajah		Muka Surat
1	Kerangka Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun	18
2	Ciri-ciri Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dan Ciri-ciri Semangat Kekitaan dalam Kajian ini	21
3	Kerangka Kajian	23
4	Kitaran Tahap Perkembangan Tamadun Menurut Ibnu Khaldun	33
5	Carta Alir Metodologi Kajian	77
6	Pensampelan Kajian	84
7	Model Pengukuran	99
8	Model Semangat Kekitaan	100
9	Model Struktural-Analisis Akhir	147
10	<i>Invariant Model</i> bagi Moderator Etnik	154

SENARAI SINGKATAN

AMOS	<i>Analysis of Moment Structure</i>
BI	Bahasa Inggeris
BM	Bahasa Melayu
CFA	Analisis Faktor Pengesahan
DBP	Dewan Bahasa dan Pustaka
DLP	Program Dwibahasa / <i>Dual Language Programme</i>
EFA	Analisis Faktor Penerokaan
e-PJJ	elektronik-Pengajian Jarak Jauh
FEM	Fakulti Ekologi Manusia
HIP	Program Imersif Tinggi / <i>Higher Immersive Programme</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
KSSR	Kurikulum Standard Sekolah Rendah
IPT	Institusi Pendidikan Tinggi
IPTA	Institusi Pendidikan Tinggi Awam
IPTS	Institusi Pendidikan Tinggi Swasta
ITNM	Institut Terjemahan Negara Malaysia
JKEUPM	Jawatankuasa Etika Universiti Putera Malaysia
JPKK	Jabatan Pengajian Kenegaraan dan Ketamadunan
MBMMBI	Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris
MMU	Multimedia Universiti
MTUN	Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (<i>Malaysian Technical University Network</i>)
PAS	Parti Islam Se-Malaysia
PLKN	Program Latihan Khidmat Negara
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
PPSMI	Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris
SEM	Pemodelan Persamaan Struktur
SJKC	Sekolah Jenis Kebangsaan Cina
SOBI	Instrumen Semangat Kekitaan (<i>Sense of Belonging Instruments</i>)
SPM	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	<i>Statistical Package of Social Science</i>
UiTM	Universiti Teknologi MARA
UKM	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	Universiti Malaya
UMNO	Pertubuhan Kebangsaan Melayu Bersatu (<i>United Malays National Organisation</i>)
UMP	Universiti Malaysia Pahang
UNIMAP	Universiti Malaysia Perlis
UNISEL	Universiti Selangor
UPM	Universiti Putra Malaysia
UTEM	Universiti Teknikal Malaysia Melaka
UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UTM	Universiti Teknologi Malaysia
TITAS	Tamadun Islam dan Tamadun Asia

TNC
TNC(A)

Timbalan Naib Canselor
Timbalan Naib Canselor (Akademik)



© COPYRIGHT UPM

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Ibnu Khaldun melalui karya beliau yang tersohor, *Mukadimah* banyak membincangkan tentang ilmu-ilmu ketamadunan, namun turut tidak terlepas membincangkan berkenaan ilmu bahasa. Perbincangan beliau berkenaan bahasa ini dapat disimpulkan bahawa bahasa bukan sekadar alat komunikasi namun kejayaan dalam menjadikan ilmu bahasa sebagai satu ilmu yang saintifik dan kemajuan dalam kemahiran bahasa menjadi penanda aras kepada kejayaan sesebuah tamadun (Zaid Ahmad, 2003). Ini selari dengan peranan bahasa dalam sesebuah tamadun kerana pada tahap paling minimum, salah satu ciri-ciri asas sesebuah tamadun perlu mempunyai bahasa yang dapat berperanan sebagai pengungkap dan pengantar segala kegiatan ketamadunan (Hashim Musa, 2005; Wan Hashim Wan Teh 1997). Ia dapat dibuktikan dengan kegemilangan tamadun-tamadun yang pernah terbina¹, kesemuanya menggunakan bahasa tamadunnya sendiri dalam mengungkap ilmu (Hashim Musa, 2005). Justeru, bahasa merupakan elemen penting dalam pembinaan dan kejayaan sesebuah tamadun.

Oleh yang demikian, penetapan satu bahasa kebangsaan menjadi keperluan penting dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada masyarakat multietnik, iaitu 67.4% bumiputera (Melayu, Sabah & Sarawak), 24.6% Cina, 7.3% India dan 0.7% etnik lain-lain (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010). Penetapan satu bahasa kebangsaan ini merupakan mekanisme kekuatan tamadun Malaysia melalui penyatuan masyarakat multietnik yang memiliki kepelbagaian bahasa ibunda. Sehubungan itu, Perkara 152(1) telah memperuntukkan bahawa bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan sebagaimana peruntukan di bawah:

Bahasa kebangsaan ialah bahasa Melayu dan hendaklah ditulis dalam apa-apa tulisan sebagaimana yang diperuntukkan dengan undang-undang Parlimen.

Bahasa Melayu ini dipilih kerana ia sebahagian daripada kontrak sosial dan unsur tradisi dalam perlembagaan (Asmah Haji Omar, 1989; Nazri Muslim & Abdul Latif Samian, 2012). Justeru, penetapan satu bahasa kebangsaan dapat memudahkan

¹ Tamadun Islam melalui ilmuwan-ilmuwan (seperti Jabir ibn Hayyan, al-Kindi, al-Khawarizmi, al-Razi, al-Farabi dan Ibn Sina) menggunakan bahasa Arab dalam kitab-kitab bidang keilmuan mereka dan telah mengangkat kegemilangan tamadun Islam. Dalam Abad ke-11 hingga ke-13, para ilmuwan Barat pula telah menterjemah karya-karya utama tamadun Islam ini ke dalam bahasa Latin dan mengasimilasikan bidang-bidang ilmu tersebut ke seluruh Eropah, justeru turut mengangkat kegemilangan tamadun Barat melalui bahasa mereka sendiri (Hashim Musa, 2005).

kefahaman dan mengelakkan salah tafsir dalam interaksi pelbagai etnik seterusnya dapat membina perpaduan yang diidam-idamkan².

Para sarjana tempatan turut bersetuju bahawa perpaduan akan wujud apabila anggota masyarakat daripada pelbagai asal keturunan dan bahasa pertuturan dapat disatukan melalui perkongsian satu bahasa kebangsaan yang berperanan sebagai simbol identiti kebangsaan, penanda kerakyatan, wahana pengungkapan etos kebangsaan, alat penyatuan dan instrumen kemajuan rakyat dan negara (Teo Kok Seong, 2010a; Nazaruddin Mohd Jali, Ma'rof Redzuan, Asnarulkhadi Abu Samah, & Ismail Mohd Rashid, 2003). Ini memandangkan, bahasa merupakan salah satu faktor yang dapat mengikat anggota-anggotanya bagi pembentukan negara bangsa yang kompleks yang membezakan mereka dengan negara bangsa yang lain (Kohn, 1967). Untuk itu, bahasa merupakan faktor utama dalam membangunkan tamadun Malaysia yang didiami oleh masyarakat multietnik pelbagai bahasa. Kepelbagaian bahasa ini tidak memungkinkan penyatuan antara kaum kerana interaksi antara mereka sukar berlaku melalui bahasa yang saling tidak difahami antara satu sama lain. Maka, peranan utama bahasa kebangsaan adalah untuk merapatkan jurang antara kaum. Apabila berlakunya interaksi melalui satu bahasa yang dikongsi dan difahami, terbina perpaduan yang utuh seterusnya membina kerjasama bagi membangunkan tamadun Malaysia.

Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan turut mempunyai nilai sejarah tersendiri, iaitu bahasa Melayu menjadi bahasa dunia dan bahasa *lingua franca* yang menampilkan fungsinya di Tanah Melayu pada zaman kegemilangan kesultanan Melayu Melaka. Bahasa ini telah digunakan oleh pedagang-pedagang luar dan mubaligh-mubaligh yang datang bagi urusan perdagangan dan penyebaran agama. Bahkan pegawai-pegawai British yang dihantar ke Tanah Melayu turut perlu mempelajari bahasa ini terlebih dahulu. Menjangkau lebih daripada itu, hubungan-hubungan diplomatik antara Kerajaan-kerajaan Melayu dengan negara luar termasuk Barat turut menggunakan bahasa Melayu sebagai medium komunikasi (Asmah Haji Omar, 2008)³. Ini menunjukkan bahawa bahasa Melayu diangkat sebagai bahasa kebangsaan bukan semata-mata bahasa Melayu merupakan identiti orang Melayu namun sebenarnya bahasa Melayu telah diperakui pernah menjadi satu bahasa yang unggul di tanah Melayu suatu ketika dahulu dan sekiranya diambil iktibar melalui sejarah bahasa Melayu ini, tidak mustahil bahasa ini dapat memakmurkan tamadun Malaysia kini seperti mana ia pernah memakmurkan zaman Kesultanan Melayu Melaka suatu waktu dahulu.

Namun, pemartabatan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan semakin rencam apabila Malaysia memasuki abad ke-20. Bukan sekadar masyarakat umum malahan, pemimpin dan penggubal dasar sendiri telah mula meragui peranan bahasa kebangsaan

² Menurut Shamsul Amri Baharuddin (2011) bahawa 'acuan Malaysia' sebenarnya telah dibentuk oleh 'kesepaduan dalam kepelbagaian' (*cohesion in diversity*) dengan destinasi terakhirnya *unity in diversity* atau perpaduan nasional. Dalam kata lain, 'perpaduan' yang kita idamkan itu masih dalam bentuk proses yang sedang berlaku (*work-in-progress*) yang tidak boleh dihitung dan dinilai dengan nombor kaku.

³ Contohnya, surat daripada Sultan Muhammad Jiwa Mu'adzam Shah kepada Francis Light bertarikh 29 Oktober 1773 & surat daripada Sultan Zainal Abidin ibni Almarhum Sultan Ahmad, Sultan Terengganu kepada Major Matt W.T. Taylor M.J. Kolenal Sekretari di Singapura bertarikh 20 Oktober 1903 ditulis dalam bahasa Melayu dengan menggunakan tulisan jawi (Asmah Haji Omar, 2008).

terutamanya dalam mandala ilmu seterusnya mengetepikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa kemajuan dan bahasa perpaduan nasional. Kerencaman pemartabatan bahasa kebangsaan ini dipercayai berpunca daripada kelunturan semangat kekitaan sebagai satu bangsa Malaysia dan kepudaran penghayatan nilai sejarah tanah air. Ini memandangkan elemen penyatuan satu semangat kekitaan dan kekuatan penghayatan sejarah tanah air dapat mengangkat peranan bahasa kebangsaan yang menjadi penentu kepada keutuhan dan kegemilangan tamadun Malaysia.

Justeru itu, semangat kekitaan yang kuat dan penghayatan sejarah yang tinggi perlu diterapkan dalam setiap warganegara Malaysia. Hal ini kerana semangat kekitaan dan penghayatan sejarah memberi interpretasi tentang masyarakat yang bersatu hati dalam berkongsi nilai sepunya berasaskan nilai-nilai tradisi tanah air yang terpelihara di dalam Perlembagaan Persekutuan Malaysia, termasuk peruntukan mengenai bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Selari dengan ciri-ciri semangat kekitaan atau '*asabiyyah* menurut Ibnu Khaldun, iaitu perasaan saling sayang-menyayangi sesama ahli dalam sesebuah kelompok dapat membawa kepada sikap taat setia, saling tolong-menolong, bekerjasama, hormat-menghormati, hidup secara sederhana, patuh kepada norma masyarakat dan pemimpin, berani menegakkan kebenaran sehingga sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan ahli serta tanah air, dan dapat mengatasi sifat-sifat mementingkan diri dan individualistik (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967). Maka, semangat kekitaan merupakan asas utama dalam proses peningkatan nilai kemasyarakatan dan pembentukan negara (Indriaty Ismail, 2015). Justeru, semangat kekitaan menjadi teras perbincangan Ibnu Khaldun berkenaan dengan jatuh bangun sesebuah tamadun yang berlaku secara kitaran dalam karangan terkemuka beliau, *Mukadimah* (Alatas, 2006). Oleh itu, kekuatan semangat kekitaan merupakan asas kepada kekuatan sesebuah tamadun (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967).

Ibnu Khaldun menegaskan bahawa semangat kekitaan yang kuat didasarkan oleh perkongsian kehendak semula jadi yang sama dalam memenuhi keperluan hidup daripada aspek kebendaan serta keperluan untuk merasai dilindungi dan dipertahankan oleh ahli komuniti (Alatas, 2014; Muhsin Mahdi, 1957). Ini memandangkan, organisasi sosial dibentuk bagi mencapai keseimbangan hidup yang saling memerlukan antara satu sama lain bagi memenuhi kelemahan yang ada dalam diri seseorang individu (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967). Malahan, Ibnu Khaldun menyatakan bahawa kuasa akal (*fikr*) yang mendorong manusia untuk membina kerjasama telah membawa kepada pembentukan komuniti manusia (Zaid Ahmad, 2003). Tanpa kerjasama ini, individu tidak akan dapat mencapai satu kesempurnaan intelektual (Rosenthal, 1967). Malik bin Nabi turut menegaskan bahawa percampuran yang mengikat dan erat akan mewujudkan satu gerak maju masyarakat (al-Quraisyiy, 2004).

Oleh yang demikian, semangat kekitaan berperanan penting dalam menyatupadukan masyarakat multietnik dalam sesebuah negara kerana secara lumrahnya individu tidak dapat hidup dengan sendirinya tanpa sokongan ahli sosial yang lain. Mereka perlu bersatu dengan kuasa akal yang dianugerahkan Allah SWT untuk mengatasi kelemahan diri seterusnya menjadikan mereka kelompok masyarakat yang berdaya maju serta

mencapai kesempurnaan intelek dalam memenuhi tuntutan asas kehidupan seperti air, makanan, pakaian, tempat tinggal dan perlindungan juga keselamatan dan tuntutan sampingan lain seperti kemewahan dan kemajuan.

Namun, menurut Ibnu Khaldun, apabila sesebuah masyarakat telah mencapai gerak maju tamadun, mereka akan semakin mengabaikan semangat kekitaan kerana mereka tidak lagi perlu berjuang untuk memenuhi keperluan dan kehendak malahan mudah pula untuk memperolehnya. Tambahan pula, generasi muda⁴ akan mula menjauhkan diri daripada masyarakat yang berkongsi semangat kekitaan kerana beranggapan bahawa mereka adalah lebih baik daripada keturunan mereka. Ini kerana generasi muda telah menikmati kemakmuran hasil daripada titik peluh nenek moyang mereka dan telah jauh daripada sejarah tentang bagaimana kemakmuran itu bermula dan apa yang menyebabkan kemakmuran tersebut terjadi (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967; Alatas, 2014).

Lantaran itu, kekuatan semangat kekitaan dan peranan penghayatan sejarah amat berkait rapat dan perkaitan ini penting sebagai mekanisme memperkukuhkan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam sesebuah masyarakat bertamadun. Penghayatan sejarah merupakan satu medan dalam memperkuatkan jati diri individu untuk merekat dalam masyarakatnya. Ini kerana sejarah merupakan penelitian dan usaha mencari kebenaran, penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda, pengertian dan pengetahuan tentang substansi, esensi serta pengetahuan tentang bagaimana juga sebab terjadinya peristiwa-peristiwa (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967).

Ini turut disokong oleh para sarjana pada dekad kini bahawa sejarah berupaya bertindak sebagai esensi kepada masyarakat dan menandai kewujudan masyarakat tersebut di dunia serta bertindak sebagai instrumentasi kekuatan semangat kekitaan seterusnya membina negara bangsa (Iglesias, 2013; Tartakovsky, 2011). Ini kerana sebuah negara bangsa perlu bebas dan merdeka dengan memiliki keunikan melalui kepentingan dan nilai tersendiri (Breuilly, 1994) dan semangat kebangsaan yang ada hari ini bukan ditentukan oleh pilihan sebaliknya hasil daripada garis masa sejarah yang panjang (Calhoun 1993).

⁴ Ibnu Khaldun (DBP, 2009) lebih spesifik merujuk generasi muda sebagai generasi keempat. Generasi pertama ialah orang yang membina keagungan dan mengetahui nilai keagungan itu serta berusaha menjaga kualiti dan mempertahankan keagungan agar terus kekal. Generasi kedua ialah anak yang lahir daripada generasi pertama yang mempunyai hubungan peribadi dengan bapanya dan mempelajari kesemua tentang keagungan mereka daripada bapanya. Namun di sini, Ibnu Khaldun menegaskan seseorang yang mempelajari sesuatu hal melalui pembelajaran adalah lebih rendah kemampuannya daripada seseorang yang mengetahui sesuatu hal melalui amalan praktikal. Generasi ketiga pula mestilah berpuas hati dengan peniruan dan lebih cenderung kepada tradisi taklid, iaitu mempercayai bulat-bulat apa yang disampaikan kepadanya. Di sini pula, Ibnu Khaldun menegaskan bahawa seseorang yang cenderung kepada taklid akan lebih rendah kemampuannya daripada generasi kedua. Generasi keempat ialah generasi yang telah kehilangan sifat-sifat yang berupaya mengekalkan keteguhan keagungannya. Bahkan dia turut mencela sifat-sifat tersebut dan menganggap keagungan yang diperoleh bukan daripada amalan dan usaha sebaliknya ia hanyalah merupakan hakikat keturunan. Generasi ini lebih rendah kemampuannya daripada generasi-generasi sebelumnya.

Justeru, penghayatan sejarah merupakan esensi yang menjadi keunikan dan pegangan nilai dalam membina negara bangsa berteraskan pemartabatan bahasa kebangsaan yang utuh dengan bertindak berdasarkan iktibar-iktibar penyatuan masyarakat multietnik daripada sejarah-sejarah negara yang lalu. Maka, semangat kekitaan dan penghayatan sejarah merupakan resipi utama dalam membina keutuhan bangsa Malaysia yang mempunyai pelbagai etnik melalui perkongsian satu bahasa.

Sehubungan itu, dapat disimpulkan bahawa semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dipercayai dapat mempengaruhi pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat multietnik di Malaysia. Faktor-faktor ini dipercayai dapat mencorakkan kelangsungan tamadun Malaysia pada masa akan datang. Perbincangan faktor-faktor ini diwujudkan bagi memartabatkan kembali karangan, *Mukadimah* oleh ilmuwan sosiologi tersohor, Ibnu Khaldun yang mengetengahkan semangat kekitaan (*'assabiya*) dan mekanisme sejarah dalam penentu keutuhan sesebuah tamadun. Malahan, perbincangan beliau mengenai bahasa Arab membuktikan bahawa di samping membicarakan ilmu ketamadunan, ilmu bahasa turut dibahaskan dan ini menunjukkan bahawa keperluan bahasa sebagai pembina kepada sesebuah ketamadunan.

1.2 Permasalahan Kajian

Ketamadunan adalah suatu pencapaian budaya tertinggi (Hashim Musa, 2005; Huntington, 1996) yang ditentukan oleh unsur-unsur kolektif seperti bahasa, sejarah, agama dan adat resam (Huntington, 1996). Oleh yang demikian, bahasa dan sejarah merupakan elemen yang saling berkait yang perlu ada dalam sesebuah ketamadunan. Maka, penegak sesuatu peradaban untuk memiliki pencapaian budaya tertinggi berasaskan keupayaan bahasa yang dimartabatkan oleh kekuatan semangat kekitaan dan pengukuhan penghayatan sejarah warga tamadun tersebut agar tamadun yang terbina memiliki keupayaan tersendiri yang dicirikan oleh unsur-unsur tradisi dan keunikan masyarakat bertamadun. Justeru, sebagai sebuah negara yang merdeka, Perlembagaan Persekutuan yang dibentuk telah memperuntukkan Perkara 152 yang merupakan salah satu unsur tradisi perlembagaan, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Namun, bermula era 1990-an, seiring dengan cabaran globalisasi, kerajaan Malaysia telah mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris terutamanya dalam institusi pendidikan negara. Impaknya, dasar bahasa dalam sistem pendidikan negara telah mengalami perubahan mendadak akibat daripada tekanan globalisasi ini (Tan Yao Sua, 2010).

Pada tahun 2003, KPM telah melaksanakan dasar Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris (PPSMI) di sekolah-sekolah kebangsaan. Ini sebagai menyahut cabaran globalisasi yang membawa kepesatan sains dan teknologi dalam bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, atas desakan pelbagai pihak terutamanya pejuang-pejuang bahasa kebangsaan, PPSMI ini telah dimansuhkan pada 2012 dan

digantikan dengan Dasar Memartabatkan Bahasa Melayu dan Memperkukuhkan Bahasa Inggeris (MBMMBI) (Utusan *Online*, 5 November 2011).

Namun demikian, pada tahun 2016 melalui gelombang kedua Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025, kerajaan telah melaksanakan Program Dwibahasa (*Dual Language Programme*-DLP) kepada 300 sekolah perintis seluruh negara⁵. Program ini merupakan satu usaha terancang (Muhammad Faisal Abdul Aziz, 2016) untuk menghidupkan kembali dasar PPSMI yang telah diakui gagal dalam sektor pendidikan kebangsaan (Abdul Latiff Abu Bakar, 2016; Baha Zain, 2016; Anwar Ridhwan, 2016; Isahak Haron, 2016; Shaharir Mohd Zain, 2016; Teo Kok Seong, 2015; Zainal Abidin Borhan, 2016; Zaharani Ahmad, 2016). Malahan, DLP ini lebih membimbangkan kerana pelaksanaannya lebih meluas daripada PPSMI memandangkan DLP bukan sekadar melibatkan mata pelajaran Sains dan Matematik sahaja malahan melibatkan dua mata pelajaran lain, iaitu i) Reka Bentuk dan Teknologi, dan ii) Teknologi Maklumat dan Komunikasi (Mohamad Saleeh Rahamad, 2016; Zaharani Ahmad, 2016). Kesan DLP ini juga menyebabkan tiada hak kesamarataan kerana wujud perbezaan dan pengasingan dua jenis sekolah kebangsaan (yang melaksanakan DLP dan yang tidak melaksanakan DLP) akibat daripada pelaksanaan yang bersifat selektif dan terbatas kepada beberapa buah sekolah terpilih sahaja (Zaharani Ahmad, 2016). Zainal Abidin Borhan (2016) turut menegaskan bahawa pelaksanaan DLP ini merupakan satu penghinaan kepada kedaulatan Wasiat Raja-raja Melayu pada tahun 1957⁶, Perkara 152 Perlembagaan Persekutuan Malaysia⁷ dan Akta Pendidikan 1996, khususnya Perkara 17 dan 18⁸. Maka, pelaksanaan DLP ini tidak wajar kerana mendidik warga Malaysia dari peringkat sekolah rendah hingga menengah untuk tidak menghormati salah satu komponen terpenting dalam proses kenegaraan dan pembangunan negara bangsa, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Selain itu, isu peminggiran bahasa kebangsaan di sektor pendidikan ini bukan sekadar di peringkat sekolah sahaja, malahan, di sektor pendidikan tinggi telah terlebih dahulu melaksanakan dasar-dasar yang cenderung untuk meminggirkan kemampuan bahasa

⁵ DLP ialah program pengukuhan bahasa Inggeris di sekolah-sekolah yang diberi peluang menawarkan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran Sains, Matematik, Teknologi Maklumat dan Komunikasi serta Reka Bentuk dan Teknologi dalam dua bahasa, sama ada bahasa Malaysia atau bahasa Inggeris (Utusan *Online*, 29 Oktober 2015). Program DLP ini dilaksanakan untuk pelajar Tahun 1 dan Tahun 4 bagi Sekolah Kebangsaan (SK) dan Tingkatan 1 untuk Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK). Program ini hanya akan dilaksanakan sekiranya ibu bapa atau penjaga secara sukarela membenarkan anak jagaannya terlibat dalam program DLP ini. Sekolah-sekolah yang telah terpilih pula boleh mengemukakan surat rayuan pengecualian secara rasmi kepada Pejabat Pendidikan Daerah masing-masing sekiranya sekolah tersebut tidak berminat untuk melaksanakan program ini (Surat Siaran KPM Bil. 18.Thn 2015). Namun, menurut Mohamad Saleeh Rahamad (2016), sekiranya sesebuah sekolah telah dipilih untuk pelaksanaan DLP bagi memenuhi kuota 300 sekolah nescaya pihak sekolah tidak akan berani membantah. Akhirnya bukan persetujuan yang menjadi asas pemilihan sekolah tetapi paksaan.

⁶ Terdapat tujuh wasiat yang disampaikan oleh Raja-Raja Melayu semasa menurunkan tandatangan persetujuan bagi pembentukan Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957, antaranya wasiat yang keenam, iaitu 'Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah Bahasa Melayu' (http://www.penerangan.gov.my/dmdocuments/e7_wasiat/e7_wasiat.html#p=18).

⁷Perkara 152 ialah peruntukan mengenai bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan.

⁸ Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 memperuntukkan bahawa bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar utama manakala Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 18 memperuntukkan bahawa kurikulum kebangsaan hendaklah digunakan oleh semua sekolah (<http://jpt.mohe.gov.my/>).

kebangsaan ini sebagai bahasa mandala ilmu tinggi. Antara langkah yang dilaksanakan oleh kerajaan Malaysia ialah Dasar Liberalisasi Pendidikan dalam Era Globalisasi (1990-2000) yang menekankan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar di kolej dan universiti, Akta Pendidikan 1996 (Akta 550) Seksyen 17 (1) yang memberi kuasa kepada Menteri Pendidikan untuk mengecualikan mana-mana institusi pendidikan daripada menggunakan bahasa pengantar bahasa Melayu dan Akta IPTS 1996 Fasal 41 yang membenarkan penggunaan bahasa-bahasa yang lain selain daripada bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantar di IPTS (A. Aziz Deraman, 2010; Hashim Musa, 2005; Jaafar Jambi, 2008; Nik Safiah, 2004; Sufean Hussin, 2009). Ketika IPTS lebih memartabatkan bahasa Inggeris, kelihatan IPTA juga telah cenderung ke arah mendaulatkan bahasa Inggeris apabila proses Pengajaran & Pembelajaran (P&P) diwajibkan menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya (Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, Lee Yok Fee, Sarvinder Kaur Sandhu, Mohd Hafiz Sulaiman, 2011). Seinggakan, belum ada satu universiti di Malaysia yang boleh dianggap sebagai satu universiti contoh dalam penggunaan bahasa Melayu tinggi yang dihormati (Nik Safiah, 2013, 19 September). Tambahan pula, agenda pekerjaan swasta menjadikan bahasa Inggeris sebagai prasyarat mengisi kekosongan jawatan di sektor-sektor pekerjaan menyebabkan timbul persepsi bahawa bahasa Inggeris memudahkan graduan mencari peluang pekerjaan (Saadah Jaffar & Noor Aina Dani, 2011). Dampaknya, bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar ilmu tinggi akan menjatuhkan martabat bahasa kebangsaan dan dikhuatiri akan merendahkan status bahasa Melayu sebagai bahasa negara, seterusnya hilang keupayaannya sebagai bahasa ilmu tinggi dan moden (A. Aziz Deraman, 2010).

Kesan daripada dasar-dasar ini, masyarakat umum mulai menampakkan krisis keyakinan terhadap kemampuan bahasa kebangsaan terutamanya apabila memperkatakan tentang ilmu sains dan teknologi, globalisasi dan kemajuan negara. Ini menggambarkan bahawa bahasa Melayu sebagai penegak peradaban melalui kekuatan semangat kekitaan dan sejarah yang dihayati bersama, telah diragui peranannya sama ada di peringkat penggubal dasar dan juga rakyat jelata. Bahasa kebangsaan hanya sepenuhnya digunakan di kampung-kampung dan dalam siaran media untuk orang-orang kampung (Wan Mohd Nor Wan Daud, 2001). Bertepatan dengan ini, dapatan-dapatan kajian lepas menunjukkan bahawa sikap masyarakat terhadap bahasa berada di tahap yang negatif (Ain Nadzimah, Heng & Chun, 2012), pelajar mempunyai persepsi yang kurang memberangsangkan terhadap bahasa (Nor Hashimah Jalaluddin, Junaini Kasdan & Zaharani Ahmad, 2010), tahap keyakinan mahasiswa IPT terhadap bahasa Inggeris adalah lebih tinggi dalam bidang sains tulen dan teknikal, manakala tahap keyakinan terhadap bahasa Melayu hanyalah dalam bidang sastera dan agama (Chow Fong Peng & Zahari Ishak 2008). Terdapat juga kajian lepas yang menunjukkan tahap penggunaan bahasa Melayu yang rendah dalam laporan tahunan kewangan syarikat (Mohd Noor Azli Ali Khan, Norhayati Salleh & Shatira Mohd Zaini, 2011) dan penggunaan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris yang silih bertukar ganti (penukaran kod-*code switching*) semasa komunikasi menjadi satu fenomena dalam filem-filem Melayu, dapat mendatangkan kesan buruk ke atas bahasa penonton (Nor Rafida & Nurun Najmee, 2012).

Pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan etnik bukan bumiputera pula dilihat belum sepenuhnya dihayati dan penggunaan bahasa Melayu kurang diamalkan; berpersepsi negatif; kurang sikap terhadap bahasa (Juriah Long, 2010; Nor Hashimah

Jalaluddin et al. 2010; Zulkifley Hamid, Rahim Aman & Karim Harun, 2010) dan mempunyai tahap yang sederhana dalam kemahiran menulis bahasa Melayu (Norsimah, Nadzrah & Nor Hashimah, 2012). Ini disokong lagi dengan usaha-usaha memartabatkan bahasa Mandarin yang secara tidak langsung menolak usaha-usaha pemartabatan bahasa kebangsaan di sekolah-sekolah jenis kebangsaan Cina daripada Gabungan Persatuan Jawatankuasa Sekolah Cina Malaysia (Dong Zong) (Azizi Yahaya, Amir Hamzah & Sanif Sapaat, 2002; Mohd Ridhuan Tee, 2010; Utusan *Online*, 29 Mac 2012, 30 Mac 2012, 11 Jun 2015, 19 Januari 2016).

Selain itu, terdapat juga usaha-usaha menganaktirikan bahasa kebangsaan di papan-papan tanda penunjuk arah jalan, premis perniagaan, papan-papan iklan serta nama-nama kawasan perumahan dan hotel-hotel dengan bahasa asing (Ku Hasnita Ku Samsu, Adlina Ab Halim, & Mohd Hafiz Sulaiman, 2013). Menurut Teo Kok Seong (2010b), andaian bahawa penggunaan nama-nama dalam bahasa asing yang dipercayai dapat menjadikan negara Malaysia lebih kosmopolitan dan menjadikan Malaysia sebahagian daripada warga dunia yang bebas daripada nasionalisme dan sentimen kenegaraan yang sempit adalah tidak benar melainkan ia hanya menjadikan kita bangsa yang daif yang terikat dengan budaya asing. Hal ini amat berkait rapat dengan tiadanya ketegasan dalam penguatkuasaan di peringkat Pihak Berkuasa Tempatan (Awang Sariyan, 2011) akibat daripada kurangnya kekuatan semangat kekitaan untuk membudayakan masyarakat dengan bahasa negara sendiri, iaitu bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan.

Isu-isu yang diketengahkan ini menunjukkan bahawa pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan rakyat Malaysia mulai pudar peranannya memasuki era ke-21 ini. Bidang-bidang penting pembangunan negara seperti pendidikan dan ekonomi, kelihatan mulai meminggirkan bahasa Melayu kerana masyarakat telah hilang kesungguhan untuk memajukan dan memperkasakan bahasa kebangsaan ini (A. Aziz Deraman, 2010; Nik Safiah, 2004).

Kekuatan semangat kekitaan sebagai rakyat Malaysia melalui keluhuran kepada perlembagaan negara dapat menentukan kekuatan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Namun, sekiranya bahasa kebangsaan telah dipinggirkan maka ia dapat memberi refleksi bahawa semangat kekitaan juga semakin pudar untuk mendukung inspirasi kebangsaan.

Maka, tidak hairanlah Malaysia telah berdepan dengan konflik-konflik semangat kekitaan dalam isu agama, budaya serta isu-isu pendidikan. Antara konflik-konflik semangat kekitaan dalam isu-isu agama dan budaya yang pernah berlaku ialah isu-isu 'perebutan kubur jenazah Moorthy', 'Lina Joy', 'kepala babi', 'kalimah Allah' dan 'lambang salib diturunkan' (Utusan *Online*, 20 Disember 2005, 24 Februari 2009, 1 Februari 2012, 15 November 2014, 9 Jun 2015). Kemudian, isu 'Namewee', 'Alvin Tan' dan 'Eric Paulsen' yang memaparkan kesepaduan kaum melalui semangat saling hormat-hormati yang terjelma daripada semangat sayang-menyayangi mulai goyah (Utusan *Online*, 10 Ogos 2007, 6 Februari 2015; Berita Harian, 18 Februari 2015). Isu 'Aduka Taruna' pula dilihat sebagai kelunturan semangat kesetiaan kepada Raja (Berita Harian, 8 Januari 2016). Ini menunjukkan bahawa generasi kini sudah mula

luntur sifat dan semangat kesefahaman, bertolak ansur dan kerjasama antara kaum yang berbeza (Ahmad Sohaimi Lazim & Mohd Syariefudin Abdullah, 2011). Bagi isu pendidikan pula, 'tuntutan-tuntutan Dong Zhong' adalah antara isu hangat yang sering menjadi perdebatan di arus perdana yang menunjukkan bahawa semangat meluhuri perlembagaan semakin terhakis (Utusan *Online*, 29 Mac 2012, 30 Mac 2012, 11 Jun 2015, 19 Januari 2016).

Senario ini menggambarkan bahawa semangat kekitaan sebagai satu bangsa Malaysia yang didukung oleh kepelbagaian etnik yang berkongsi demografi dan citra budaya kebangsaan yang sama belum sepenuhnya diterima. Bukan sekadar itu, semangat kekitaan melalui keluhuran perlembagaan juga sering diperlekehkan walaupun ia merupakan set peraturan tertinggi negara yang harus dihayati dan mengikat warganya untuk bertindak selari dengan kewarganegaraannya. Perlembagaan Persekutuan Malaysia bukan sekadar satu dokumen perundangan malah ia merupakan kontrak sosial dan perjanjian perdamaian antara etnik-etnik yang ada di Malaysia (Ahmad Ibrahim & Ahilemah Joned, 1992) dan ikatan kenegaraan yang dikanunkan di dalam perlembagaan merupakan tonggak-tonggak bangsa (A. Aziz Deraman, 2012).

Justeru, masyarakat perlu sedar tentang tujuan dan sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan yang merupakan hasil tangan semangat bekerjasama dan toleransi antara etnik suatu ketika dahulu. Ia dibentuk rapi dengan mengandungi unsur-unsur penyatuan dan kesepaduan semangat kekitaan yang jitu terutamanya melalui peruntukan bahasa Melayu yang dijadikan sebagai bahasa kebangsaan negara, supaya dapat menjadi garis panduan kepada kesepakatan rakyat Malaysia. Lantaran itu, Perlembagaan Persekutuan ialah sebuah dokumen yang tidak terpisah daripada sejarah, perkembangan dan tradisi negara (Nazri Muslim, Zaharah Hassan & Abdul Latif Samian, 2011).

Namun, isu-isu pemertabatan bahasa kebangsaan dan semangat kekitaan ini menunjukkan bahawa masih terdapat kelompangan dalam pengisian penghayatan sejarah terutamanya dalam kalangan generasi muda. Peringkat sekolah sendiri telah menunjukkan penurunan prestasi pencapaian mata pelajaran Sejarah pada keputusan Sijil Pelajaran Malaysia 2014 berbanding tahun sebelumnya (Berita Harian, 3 Mac 2015), termasuk juga di aliran teknik dan vokasional (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM, 2015). Pelajar di peringkat sekolah yang telah didedahkan secara langsung dengan mata pelajaran Sejarah turut menunjukkan prestasi yang kurang cemerlang, apatah lagi masyarakat umum yang tidak secara langsung didedahkan dengan sejarah tanah air. Masyarakat kebanyakannya berpendapat bahawa sejarah bukan ilmu yang penting dan persepsi mereka hanya bergantung kepada sejarah yang pernah mereka pelajari semasa di sekolah sahaja (Khoo Kay Kim, 1984).

Kajian Mohd Mahadee (2015) turut membuktikan bahawa pengetahuan mahasiswa tentang sejarah negara adalah rendah. Kajian Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan (2008) juga menunjukkan bahawa tahap kebolehan murid mempunyai empati sejarah hanya di peringkat rendah. Kajian Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman, & Nur Atiqah T. Abdullah (2009) turut membuktikan bahawa persepsi pelajar terhadap pembelajaran kemahiran berfikir sejarah adalah sederhana dan kajian Sharifah Nor

Puteh, Nooreiny Maarof, & Elisabeth Tak (2010) menunjukkan persepsi pelajar kepada keseluruhan aspek pengajaran guru sejarah turut sederhana positif.

Situasi ini dipercayai berlaku apabila ahli masyarakat telah menyimpang jauh dengan sejarah tanah air. Mereka tidak mengambil iktibar daripada peristiwa 13 Mei 1969, tidak menghayati sejarah pembentukan Perlembagaan Persekutuan serta sejarah bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan. Perlu disedari bahawa kekuatan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan bertunjang kepada semangat kekitaan adalah penting bagi menonjolkan identiti bahasa sebagai identiti kewarganegaraan mereka. Bukan sekadar itu, penerapan penghayatan sejarah turut menjadi mekanisme penting bagi menimbulkan kesedaran golongan muda tentang kegemilangan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* yang unggul. Kesedaran sejarah juga penting bagi meneguhkan semangat etnosentrisme yang melihat bahasa kebangsaan hanya berpihak kepada satu kaum sahaja.

Oleh yang demikian, menjadi agenda penting negara, bagi memastikan rakyat memiliki kekuatan untuk memartabatkan bahasa kebangsaan dengan bertunjangkan semangat kekitaan dan penghayatan sejarah yang tinggi. Ketiga-tiga mekanisme ini adalah penting bagi menjamin kekuatan sesebuah tamadun yang dijana hasil daripada kejayaan semangat kebangsaan rakyatnya. Daripada perbincangan di atas, maka satu kajian perlu dijalankan bagi melihat hubungan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah yang dikenal pasti dapat mempengaruhi sikap generasi muda untuk memartabatkan bahasa kebangsaan. Ini kerana pelaksanaan bahasa Melayu belum tercapai sepenuhnya sebagai bahasa kebangsaan Malaysia (A. Aziz Deraman, 2010). Justeru, hal ini dikhuatiri dapat memberi kesan kepada tamadun Malaysia memandangkan bahasa merupakan penagak peradaban yang perlu dimartabatkan melalui kekuatan semangat kekitaan dan penghayatan sejarah. Ini menjadi satu keperluan agar tamadun yang terbina mempunyai nilai budaya tersendiri yang tidak bergantung kepada nilai kemajuan tamadun lain. Faktor-faktor yang dipilih berdasarkan Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dan sokongan literatur-literatur yang telah dibincangkan serta meliputi bidang pengajian pengkaji.

1.3 Persoalan Kajian

Perbincangan latar belakang dan permasalahan kajian telah membentuk persoalan-persoalan kajian bagi memandu pengkaji membina objektif-objektif serta hipotesis-hipotesis kajian. Persoalan-persoalan yang terbentuk adalah seperti berikut:

1. Sejauh manakah dapat dibuktikan secara empirikal bahawa semangat kekitaan, dan penghayatan sejarah yang tinggi dapat meningkatkan pemartabatan bahasa kebangsaan?
2. Sejauh manakah tahap semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik di IPT?

3. Bagaimanakah faktor-faktor demografi termasuk faktor etnik dapat memberikan perbezaan dan mempengaruhi hubungan semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan?

1.4 Objektif Kajian

Objektif-objektif kajian telah terbentuk melalui persoalan-persoalan kajian ini. Maka, objektif utama (objektif umum) kajian ini ialah untuk menganalisis pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan mahasiswa pelbagai etnik di IPT Malaysia. Oleh yang demikian, empat objektif khusus telah dibentuk, iaitu:

1. Menenal pasti tahap semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan.
2. Menentukan perbezaan semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan berdasarkan ciri-ciri demografi (etnik, jenis IPT, bidang pengajian, aliran pendidikan sekolah menengah).
3. Menganalisis pengaruh semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan.
4. Menganalisis faktor etnik yang bertindak sebagai pemboleh ubah moderator kepada hubungan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dengan pemertabatan bahasa kebangsaan.

1.5 Hipotesis Kajian

1. Hipotesis bagi objektif 2 adalah seperti berikut:
 - H1 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi semangat kekitaan berdasarkan etnik.
 - H2 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan sejarah berdasarkan etnik.
 - H3 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemertabatan bahasa kebangsaan berdasarkan etnik.
 - H4 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi semangat kekitaan berdasarkan jenis IPT.
 - H5 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan sejarah berdasarkan jenis IPT.
 - H6 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemertabatan bahasa Kebangsaan berdasarkan jenis IPT.
 - H7 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi semangat kekitaan berdasarkan bidang pengajian.
 - H8 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan sejarah berdasarkan bidang pengajian.
 - H9 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemertabatan bahasa Kebangsaan berdasarkan bidang pengajian.
 - H10 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi semangat kekitaan berdasarkan aliran pendidikan sekolah menengah.

- H11 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi penghayatan sejarah berdasarkan aliran pendidikan sekolah menengah.
- H12 Terdapat perbezaan yang signifikan bagi pemertabatan bahasa Kebangsaan berdasarkan aliran pendidikan sekolah menengah.
2. Hipotesis nul bagi objektif 3 adalah seperti berikut:
- H13 Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara semangat kekitaan dengan penghayatan sejarah.
- H14 Semangat kekitaan memberi pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan.
- H15 Penghayatan sejarah memberi pengaruh yang positif dan signifikan terhadap pemertabatan bahasa kebangsaan.
3. Hipotesis nul bagi objektif 4 adalah seperti berikut:
- H16 Faktor etnik dapat bertindak sebagai pemboleh ubah moderator bagi hubungan antara semangat kekitaan dengan pemertabatan bahasa kebangsaan.
- H17 Faktor etnik dapat bertindak sebagai pemboleh ubah moderator bagi hubungan antara penghayatan sejarah dengan pemertabatan bahasa kebangsaan.

Sehubungan itu, kajian ini telah melibatkan dua pemboleh ubah bebas (semangat kekitaan dan penghayatan sejarah), satu pemboleh ubah moderator (etnik) dan satu pemboleh ubah bersandar (pemertabatan bahasa kebangsaan).

1.6 Definisi Istilah

Bahagian ini membincangkan secara konseptual dan empirikal tentang definisi bagi istilah-istilah yang diguna pakai sebagai pemboleh ubah di dalam kajian.

1.6.1 Semangat Kekitaan

Konseptual: Menurut Ibnu Khaldun (DBP, 2009 & Rosenthal, 1967), semangat kekitaan atau '*asabiyyah*' ialah sifat berkasih sayang yang merupakan asas penggerak kepada sikap taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin yang berkongsi semangat kekitaan serta tanah air, seterusnya menyemai sikap saling bantu-membantu, hormat-menghormati, patuh kepada norma masyarakat dan pemimpin yang adil, berani mengajukan saranan sehingga sanggup berkorban demi kelangsungan tamadun mereka. Semangat kekitaan ini berasaskan pertalian darah kerana ia merupakan semangat kekitaan yang paling kuat yang mempunyai perasaan saling sayang-menyayangi dan bantu-membantu yang kukuh disebabkan oleh adanya keturunan yang jelas (Alatas, 2013). Walau bagaimanapun, semangat kekitaan turut wujud dalam dua keadaan yang lain, iaitu i) apabila individu yang menerima dan mengamalkan semangat kekitaan kaum tempat menetapnya yang baru setelah meninggalkan kaum asalnya (*clientship*),

dan ii) semangat kekitaan yang berasaskan hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan (*alliance*) (Alatas, 2013; Dhaouadi, 1997; Zainab al-Khudhairi, 1979). Justeru, al-Roubaie (2009) menyarankan masyarakat moden kini yang bersifat heterogen iaitu mempunyai kepelbagaian etnik, agama dan budaya yang tidak terikat dengan pertalian darah dalam sesebuah negara, masih dapat mengaplikasikan ciri-ciri semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun untuk mengukuhkan lagi ketamadunan mereka.

Operasional: Semangat kekitaan dalam kajian ini merujuk kepada ciri-ciri dominan yang dijelaskan di dalam Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun, iaitu sayang-menyayangi, sanggup berjuang dan berkorban, mengajukan saranan untuk kepentingan bersama serta kepatuhan kepada undang-undang, norma masyarakat dan pemimpin. Semangat kekitaan ini bersandar kepada senario masyarakat Malaysia multietnik yang tidak terikat kepada satu pertalian darah sahaja. Justeru, semangat kekitaan ini merujuk kepada semangat kekitaan yang mengikat etnik Melayu, Cina dan India serta etnik-etnik-etnik lain sebagai satu bangsa Malaysia. Pemboleh ubah semangat kekitaan ini merupakan pemboleh ubah bebas dengan menggunakan instrumen yang telah dibina sendiri oleh penyelidik melalui sorotan literatur dan telah disahkan melalui kesahan kandungan dan konstruk (dibincangkan di bab 3). Justeru, dimensi dalam instrumen semangat kekitaan ini meliputi, i) Sayang-menyayangi, ii) sanggup berjuang dan berkorban, iii) mengajukan saranan, dan iv) kepatuhan. Instrumen ini diukur dengan menggunakan skala empat mata iaitu, angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'setuju', dan 4 mewakili 'sangat setuju'. Instrumen ini berada di bahagian 1 pada borang soal selidik.

1.6.2 Penghayatan Sejarah

Konseptual: Penghayatan berlaku melalui kecekapan bahasa dalam memberi istilah, ciri-ciri dan fungsi sesuatu objek disertai dengan pengalaman yang berulang yang menjadikan individu cekap mentadbir maklumat untuk memberi suatu persepsi yang akan dihayati oleh individu tersebut (Gillet, 1988). Sejarah pula ditegaskan oleh Ibnu Khaldun (DBP, 2009 & Rosenthal, 1967) sebagai salah satu tunjang falsafah kerana sejarah ialah penelitian dan usaha mencari kebenaran, penjelasan yang halus tentang sebab dan asal benda, pengertian dan pengetahuan tentang kebenaran, esensi serta pengetahuan tentang bagaimana sebab terjadinya peristiwa-peristiwa. Takrifan sejarah oleh Ibnu Khaldun ialah mengenai sifat dan sebab kepada kewujudan sebenar (Muhsin Mahdi, terjemahan Amilah Awang, 2014).

Justeru, penghayatan sejarah ini juga dapat dipupuk melalui minat individu untuk merasai pengalaman-pengalaman sejarah dengan pembacaan literatur-literatur, menonton filem atau dokumentari, melawati tempat-tempat bersejarah, bermain permainan video berkisar sejarah dan turut serta dalam keraian atau sambutan yang berkaitan dengan memperingati sejarah (Cassedy, Flaherty, & Fordham, 2011; Mohamad Johdi Salleh & Ariegusrini Agus, 2009; Mohamad Johdi Salleh, Baharom Mohamad, & Abdul Said Ambotang, 2012; Bamberger & Tal, 2009).

Melalui minat merasai pengalaman-pengalaman sejarah ini, penghayatan sejarah dapat membentuk emosi dan empati sejarah (Gillett, 1988; Mohamad Johdi Salleh et al.

2012; Sharifah Nor Puteh et al. 2010; Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2008; Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007).

Kementerian Pelajaran Malaysia (2000) juga telah menggariskan matlamat pendidikan sejarah bagi memupuk semangat setia negara dan jati diri sebagai warga Malaysia yang dapat menyerap kemahiran pemikiran sejarah. Ini kerana sejarah merupakan satu proses yang dapat merangsang pemikiran untuk berfikir secara kritis dan analitis (Cassedy et al. 2011; Maharom Mahmood, 1998; Mohamad Johdi Salleh et al. 2012; Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002; Sharifah Nor Puteh et al. 2010; Wineburg, 2004; Yeager and Foster, 2001; Zahara Aziz & Nik Azleena Nik Ismail, 2007).

Operasional: Penghayatan sejarah dalam kajian ini merujuk kepada minat mahasiswa IPT untuk merasai pengalaman sejarah melalui pembacaan literatur-literatur, mengunjungi muzium, menonton dokumentari sejarah dan melibatkan unsur emosi dalam merasai pengalaman tersebut. Selain itu, penghayatan sejarah dalam kajian ini turut mengukur daya usaha mahasiswa IPT untuk berfikir secara kreatif dan kritis tentang sejarah. Ini kerana penghayatan merupakan sesuatu nilai yang lebih tinggi, bukan sekadar melibatkan minat terhadap sejarah tetapi mempunyai daya usaha untuk berfikir mengenai sejarah. Oleh yang demikian, penghayatan sejarah menjadi pemboleh ubah bebas, diukur dengan dua dimensi, iaitu i) minat, dan ii) daya usaha berfikir. Instrumen ini telah dibina sendiri oleh penyelidik melalui sorotan literatur dan telah disahkan melalui kesahan kandungan dan konstruk (dibincangkan di bab 3). Instrumen diukur dengan menggunakan skala empat mata iaitu, angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'setuju', dan 4 mewakili 'sangat setuju'. Instrumen ini berada di Bahagian 2 di dalam borang soal selidik.

1.6.3 Pemartabatan Bahasa Kebangsaan

Konseptual: Menurut Ibnu Khaldun (DBP, 2009 & Rosenthal, 1967), bahasa ialah kefasihan menggunakan lidah dan memenuhi matlamat untuk menyatakan idea-idea. Sarjana linguistik dan falsafah terkemuka Barat pula, Whorf dan Wittgenstein menekankan bahawa bahasa sebagai faktor muktamad yang menentukan pandangan semesta individu (Kienpointner, 1996). Sarjana tempatan, Hashim Musa & Halimah Pondo (2012) membincangkan pemeraksanaan bahasa Melayu melalui maksud menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa yang hebat, terkenal, berdaulat dan dominan di dunia; hebat dari segi kandungan ilmunya, keintelektualannya, keluasan penggunaannya, nilai ekonominya dan keterbacaannya. Mohd Rashid Mohd Idris, (2013) turut menyatakan bahawa memartabatkan bahasa Melayu bermaksud meletakkan bahasa Melayu pada tempat yang sepatutnya, sesuai dengan kedudukannya sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam Perkara 152, Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Manakala tujuan utama memartabatkan bahasa Melayu adalah kerana bahasa Melayu merupakan bahasa kebangsaan yang menjadi alat perpaduan, bahasa perhubungan utama dan bahasa ilmu ke arah membina negara bangsa untuk mencapai hasrat 1Malaysia.

Justeru, pemertabatan bahasa Melayu dilihat dari aspek kefasihan rakyat Malaysia terutamanya pertuturan yang dapat sepenuhnya diucapkan dalam bahasa Melayu terutamanya di majlis-majlis formal (A. Aziz Deraman, 2010; Nik Safiah, 2013, 19 September; Teo Kok Seong, 2005). Bahkan, wujudnya pengiktirafan dalam diri individu yang melibatkan reaksi emosi dan perasaan terhadap bahasa (Ain Nadzimah, Heng & Chun, 2012) serta perasaan bangga dalam mempertuturkan bahasa kebangsaan ini (A. Aziz Deraman, 2010; Nik Safiah, 2013, 19 September). Seterusnya A. Aziz Deraman (2010) turut menyatakan peneguhan sikap bahasa adalah melalui pengucapan, pengungkapan dan bicara bahasa yang lebih indah, benar dan betul terutamanya dalam konteks formal. Bahasa indah merangkumi pengungkapan penutur yang tidak lekang daripada menggunakan bunga bahasa, perumpamaan, simpulan bahasa, peribahasa, perbilangan dan pantun yang puitis yang diharap akan menjadi suatu kelaziman dan bangga dengan bahasa tersebut (A. Aziz Deraman, 2010; Nik Safiah, 2013, 19 September). Nik Safiah (2013, 19 September) turut mengakui bahawa bahasa terdiri daripada tiga tahap, i) bahasa yang difahami, ii) bahasa yang betul, tidak ada kesalahan tatabahasa, iii) bahasa yang indah atau canggih, iaitu mempunyai nilai estetik yang tinggi, sebutannya luar biasa, ayatnya tersusun, gambaran simile dan metafora serta diterjemahkan melalui puisi atau pantun.

Operasional: Pemertabatan bahasa kebangsaan bagi kajian ini merujuk kepada sejauh mana pelajar IPT fasih bertutur dalam bahasa Melayu terutamanya dalam situasi formal, sejauh mana mereka mengiktiraf bahasa Melayu melalui kebanggaan mereka terhadap bahasa Melayu serta sejauh mana pelajar-pelajar IPT mampu menggunakan bahasa yang indah atau canggih melalui pengungkapan secara pantun, sajak, peribahasa atau mampu menggunakan istilah-istilah yang bukan kelaziman. Oleh yang demikian, pemboleh ubah pemertabatan bahasa kebangsaan diwakili oleh tiga dimensi, iaitu i) kefasihan, ii) pengiktirafan, dan iii) kecanggihan berbahasa. Instrumen ini telah dibina sendiri oleh penyelidik melalui sorotan literatur dan telah disahkan melalui kesahan kandungan dan konstruk (dibincangkan di bab 3). Instrumen diukur dengan menggunakan skala empat mata iaitu, angka 1 mewakili 'sangat tidak setuju', 2 mewakili 'tidak setuju', 3 mewakili 'setuju', dan 4 mewakili 'sangat setuju'. Instrumen ini berada di Bahagian 3 di dalam borang soal selidik.

1.7 Pengaplikasian Teori

Pengkaji telah mengaplikasikan **Teori 'Asabiyyah (Semangat Kekitaan)** oleh **Ibnu Khaldun** bagi membina perkaitan antara semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan dalam senario multietnik di Malaysia.

Istilah '*asabiyyah*' menurut Ibnu Khaldun bermaksud perasaan berkongsi nilai khusus yang sama dan kesetiaan kepada kumpulan yang berasaskan kepada pertalian darah (Alatas, 2013). Namun, Ibnu Khaldun turut membincangkan '*asabiyyah*' yang turut wujud selain daripada pertalian darah, iaitu *clientship* (individu yang menerima dan mengamalkan '*asabiyyah*' kaum tempat menetapnya yang baru setelah meninggalkan kaum asalnya) dan *alliance* ('*asabiyyah*' yang didasari hubungan hamba abdi dan hubungan untuk mendapatkan perlindungan) (Alatas, 2013; Dhaouadi, 1990 & 1997; Zainab al-Khudhairi, 1979). Malahan, Alatas (2013) menjelaskan bahawa '*asabiyyah*'

tidak wujud semata-mata disebabkan oleh pertalian darah tetapi turut disebabkan oleh tempoh kepanjangan waktu bersama dan perkongsian pengalaman sesama ahli masyarakat.

Justeru, Dhaouadi (1997) menjelaskan bahawa Ibnu Khaldun telah membicarakan ikatan sosial yang bermula daripada konsep 'pertalian semuslim' (*Muslim brotherhood*) kepada modifikasi ikatan yang baru, iaitu masyarakat multietnik. Maka, tidak mustahil apabila konsep '*asabiyyah*' ini turut boleh terpakai dalam situasi moden masa kini yang menjurus kepada masyarakat yang bersatu dalam kepelbagaian kelompok etnik.

Perbincangan Ibnu Khaldun mengenai '*asabiyyah*' dilihat sangat penting apabila sarjana ini berulang kali membincangkannya apabila memperkatakan tentang jatuh bangunnya sesebuah ketamadunan. Menurut beliau, kitaran perkembangan tamadun dari tahap awal kelahiran tamadun sehinggalah ke tahap kejatuhannya lebih bergantung kepada keutuhan '*asabiyyah*' yang dimiliki oleh masyarakat tamadun tersebut. Seperti mana Alatas (2006) menyatakan bahawa Ibnu Khaldun sering mengaitkan faktor semangat kekitaan yang menjadi teras penentu kepada perkembangan dan kejatuhan sesebuah tamadun. Terutamanya apabila Ibnu Khaldun membincangkan sikap masyarakat Badwi yang lebih bersatu hati dan bekerjasama kerana perkongsian matlamat, tujuan, nilai dan budaya demi untuk melangsungkan kehidupan. Karakter masyarakat Badwi yang ganas, agresif, terbiasa dengan hidup buas, semangat kekitaan antara mereka menjadikan mereka tidak mudah tunduk kepada pihak berkuasa dan sanggup berjuang untuk menawan bandar demi kelangsungan hidup mereka (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967; Dhaouadi, 1990). Namun, faktor agama Islam yang disokong oleh semangat kekitaan yang kuat ini telah mengubah kekasaran karakter masyarakat Arab Badwi dan membolehkan mereka mengembangkan ajaran Islam sehingga ke semenanjung Arab (al-Jabri dalam Dhaouadi, 1990).

Justeru, pengkaji melihat bahawa ciri-ciri semangat kekitaan yang dibicarakan oleh Ibnu Khaldun terbahagi kepada empat ciri dominan, iaitu:

- i. **Sayang-menyayangi** – kekuatan semangat kekitaan menimbulkan perasaan kasih dan sayang sesama ahli masyarakatnya. Perasaan ini akan mendorong kepada sikap bersatu hati, mengambil berat, bantu-membantu dan hormat-menghormati sesama ahli kerana tidak mahu kesusahan menimpa antara mereka.
- ii. **Kesetiaan** – sikap taat setia yang tidak berbelah bagi kepada pemimpin, norma budaya, anggota kumpulan dan negara merupakan kekuatan kepada semangat kekitaan. Kekuatan ini terbentuk kukuh apabila pemimpin memiliki semangat kekitaan yang lebih kuat daripada semangat kekitaan ahli masyarakatnya yang lain. Sifat ini dapat terjelma dalam bentuk tingkah laku sanggup berjuang dan berkorban demi mempertahankan pemimpin, ahli masyarakat dan tanah air.
- iii. **Keberanian** – bangsa yang berani ialah bangsa yang mampu memiliki kekuasaan. Justeru, keberanian untuk sanggup berjuang dan berkorban demi bangsa dan negara merupakan lambang kekuatan semangat kekitaan. Selain itu, keberanian juga boleh tergambar apabila sesuatu bangsa itu berani untuk

tampil ke hadapan bagi mengajukan tuntutan apabila berlaku penindasan ke atas bangsanya oleh pemimpin atau golongan yang menerajui mereka terutamanya daripada aspek ekonomi seperti mengenakan kadar cukai yang tinggi. Maka, kekuatan semangat kekitaan akan mendorong mereka untuk berani mengajukan tuntutan agar tidak terus ditindas.

- iv. **Kepatuhan** – Semangat kekitaan akan mempersiapkan diri individu untuk tunduk dan patuh kepada pemimpin yang berkongsi semangat kekitaan yang kuat, patuh kepada undang-undang serta norma-norma masyarakat. Sifat ini mendorong tingkah laku menurut perintah pemimpin dan patuh kepada undang-undang serta menjaga perlakuan agar tidak kelihatan songsang dengan norma-norma budaya masyarakatnya. Namun, kepatuhan yang membabi buta menyebabkan mereka tidak berani untuk mempertahankan masyarakat dan tanah air dan ini merupakan tanda-tanda semangat kekitaan yang lemah.


(DBP, 2009 & Rosenthal, 1967)

Selain itu, Ibnu Khaldun juga tidak terkecuali membicarakan tentang peranan sejarah sebagai tujahan kepada kekuatan semangat kekitaan. Beliau menyatakan bahawa generasi keempat⁹ akan mula pudar semangat kekitaan kerana mereka telah jauh daripada sejarah tentang bagaimana kedaulatan mereka bermula dan bagaimana kedaulatan itu terjadi. Generasi ini beranggapan bahawa mereka tidak perlu lagi mengetahui tentang sejarah kedaulatan mereka dan menganggap bahawa mereka adalah lebih bijak daripada nenek moyang mereka. Justeru, mereka bertindak menjauhkan diri daripada individu-individu yang berkongsi semangat kekitaan (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967).

Sehubungan itu, elemen-elemen yang dibincangkan dalam Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun ini dapat diwakili oleh kerangka teori seperti di Rajah 1.

⁹ Seperti yang telah dibincangkan di nota kaki 1.

Rajah 1: Kerangka Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun



Oleh yang demikian, pengkaji percaya bahawa penghayatan sejarah amat berkait rapat dengan Teori *'Asabiyyah* Ibnu Khaldun. Sejarah tidak dapat dipraktikkan namun ia hanya dapat dipelajari seterusnya dihayati. Sebagaimana, pembelajaran adalah rendah kemampuannya (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967) maka, penghayatan kepada sejarah ini dilihat amat penting bagi mengekalkan semangat kekitaan. Ilmu sejarah berkaitan dengan sesuatu masyarakat dan berbeza bagi satu masyarakat dengan masyarakat yang lain (Muhsin Mahdi, terjemahan Amilah Awang 2014). Justeru, sejarah dapat menjadi simbol sepunya masyarakat bagi memperkukuhkan semangat kekitaan.

Lebih dari itu, semangat kekitaan juga turut dibicarakan dalam aspek pemertabatan bahasa. Walaupun Ibnu Khaldun tidak mengaitkan secara langsung perkaitan ini, namun beliau membincangkan bagaimana pencemaran bahasa berlaku dalam kalangan generasi muda. Seperti mana perbincangan beliau mengenai generasi muda yang pudar semangat kekitaan, beliau turut menyatakan bahawa generasi muda telah mula mencemarkan bahasa kerana berlaku percampuran dengan bangsa lain (Ibnu Khaldun, DBP, 2009 & Rosenthal, 1967). Memandangkan perbincangan melibatkan golongan yang sama, maka penulis menyimpulkan bahawa generasi muda cenderung untuk menjauhkan diri dengan orang yang berkongsi semangat kekitaan dan mula bercampur dengan bangsa lain yang menyebabkan mereka mencemarkan bahasa ibunda mereka. Malahan, Ibnu Khaldun turut mengangkat ilmu bahasa sebagai satu ilmu yang saintifik dan kemajuan dalam kemahiran bahasa menjadi penanda aras kepada kejayaan sesebuah tamadun (Zaid Ahmad, 2003) dan beliau ialah sarjana pertama yang menyokong pembelajaran bahasa secara komunikatif (*communicative language learning*) (Ghada Osman, 2003)¹⁰.

Justeru, pengkaji merasakan adalah penting dalam mengangkat Teori *'Asabiyyah* Ibnu Khaldun untuk dibicarakan dalam senario moden, serta amat sesuai dijadikan sebagai mekanisme pengukuran dalam kajian empirikal bagi mengungkap semangat kekitaan dalam kalangan masyarakat multietnik kini. Justeru, huraian selanjutnya mengenai Teori *'Asabiyyah* ini telah dibincangkan di bab 2. Pengkaji turut membincangkan keselarian teori ini dengan konsep identiti nasional dan teori-teori serta model kontemporari bagi memperlihatkan kekuatan teori ini selari dengan zaman seperti mana sarjana Toynbee (1962) dan Sartre (1975) menyatakan bahawa walaupun perbincangan Ibnu Khaldun banyak tertumpu kepada tamadun bangsa Arab pada zaman beliau namun, didapati pandangan yang dibawa melalui karyanya, *Mukadimah* merupakan hasil kerja yang bermutu, relevan dan dapat diterjemahkan untuk hampir keseluruhan tamadun yang terbina. Justeru, teori kontemporari yang ingin diketengahkan ialah Teori Bioekologikal Pembangunan Manusia Bronfenbrenner (1994) dan Teori Motivasi dan Personaliti Maslow (1954). Kesemua perkaitan ini telah dihuraikan dalam perbincangan bab kedua.

Selain itu, pengkaji juga ingin menjelaskan bahawa tesis ini mengaplikasikan istilah 'Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun' bagi merujuk istilah 'Teori *'Asabiyyah* Ibnu

¹⁰ Sarjana ini membincangkan menyatakan bahawa Ibnu Khaldun bersetuju bahawa metod pembelajaran bahasa Arab lebih efektif sekiranya diajar melalui komunikatif berbanding hanya menggunakan teks al-Quran.

Khaldun' supaya ia turut selari dengan terjemahan dari Dewan Bahasa dan Pustaka (Ibnu Khaldun, DBP, 2009) terhadap penggunaan istilah 'semangat kekitaan' ini menggantikan istilah '*asabiyyah*'.

1.8 Kerangka Kajian

Sebagaimana perbincangan Ibnu Khaldun mengenai semangat kekitaan dan penekanan beliau dalam konteks sejarah dan bahasa, maka, pengkaji berminat untuk menganalisis perkaitan antara semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemartabatan bahasa kebangsaan dalam konteks masyarakat multietnik di Malaysia.


Pemboleh ubah pertama kajian ialah pemboleh ubah semangat kekitaan sebagai pemboleh ubah bebas. Pemboleh ubah semangat kekitaan ini merujuk kepada perbincangan Ibnu Khaldun dalam teori beliau, Teori Semangat Kekitaan yang sering dibincangkan sebagai penentu kepada kekuatan sesebuah tamadun. Pengkaji mendapati ciri-ciri dominan semangat kekitaan Ibnu Khaldun menjurus kepada perasaan sayang-menyayangi, kesetiaan, keberanian dan kepatuhan. Walau bagaimanapun, dalam kajian ini, pengkaji telah membahagikan ciri-ciri dominan ini kepada 4 dimensi yang diukur dalam konteks masyarakat multietnik. Ini kerana, pengkaji ingin menterjemah ciri-ciri semangat kekitaan Ibnu Khaldun kepada bentuk perlakuan atau amalan.

Walaupun bagaimanapun, ciri-ciri perbincangan Ibnu Khaldun telah menjadi rujukan asas dan dapat digambarkan dalam ciri-ciri semangat kekitaan yang dikaji. 4 elemen yang diukur ialah:

- i. **Sayang-menyayangi** – mengukur sikap hormat-menghormati, mengambil berat, bantu-membantu sesama etnik dan bersatu hati untuk menerima etnik lain.
- ii. **Sanggup berjuang dan berkorban** – mengukur kesetiaan dan keberanian individu sehingga sanggup dan berani berjuang mempertahankan negara, sanggup berperang dan berkorban demi negara serta sanggup menjadi sukarelawan untuk membantu rakan senegara.
- iii. **Mengajukan saranan** – mengukur keberanian dan kesanggupan individu untuk tampil membuat saranan atau bersuara bagi memberi pandangan sekiranya terdapat kelemahan-kelemahan dasar-dasar kerajaan yang dapat membebankan rakyat.
- iv. **Kepatuhan** – mengukur sikap patuh kepada pemimpin yang adil dan berjiwa rakyat, patuh kepada undang-undang dan budaya masyarakat Malaysia.

Rajah 2 ini menjelaskan secara ringkas bagaimana pengadaptasian ciri-ciri dominan dalam Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun ke dalam ciri-ciri semangat kekitaan yang dikaji dalam kajian ini.

Rajah 2: Ciri-ciri Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun dan Ciri-ciri Semangat Kekitaan dalam Kajian ini



*Ciri-ciri ini mewakili ciri-ciri dominan yang telah dibincangkan di 1.7.

Selain itu, pengkaji turut mengambil kira faktor pemboleh ubah penghayatan sejarah sebagai pemboleh ubah bebas yang kedua. Ini mengambil kira perbincangan Ibnu Khaldun mengenai faktor sejarah yang dapat menjarakkan generasi muda daripada mereka yang berkongsi semangat kekitaan. Pengkaji mengukur penghayatan sejarah ini dengan mengambil kira sorotan-sorotan literatur bahawa penghayatan sejarah dapat diukur melalui kesungguhan minat individu untuk melawat ke tempat-tempat bersejarah, menyambut perayaan sejarah, mencari bahan-bahan sejarah, menonton dokumentari sejarah, mempunyai emosi dan empati sejarah serta mempunyai daya usaha untuk berfikir secara kritis dan kreatif mengenai sejarah. Justeru, dua dimensi dibentuk bagi mengukur penghayatan sejarah, iaitu:

- i. **Minat** – mengukur kesungguhan minat individu untuk merasai pengalaman sejarah dengan melawat tempat-tempat dan peristiwa sejarah, membaca bahan rujukan dan menonton filem atau dokumentari sejarah serta mempunyai emosi sejarah.
- ii. **Daya usaha berfikir** – mengukur kesungguhan individu untuk berfikir secara kreatif dan kritis mengenai sejarah dengan melibatkan diri dalam perbincangan, mengarang dan mencari fakta-fakta sejarah.

Pemboleh ubah pemertabatan bahasa kebangsaan pula merupakan pemboleh ubah ketiga dan merupakan pemboleh ubah bersandar. Bahasa kebangsaan sebagai simbol identiti setiap warganegara adalah penting untuk dikaji memandangkan Ibnu Khaldun turut membicarakan bahawa kemajuan bahasa turut merupakan esensi penting dalam sesebuah komuniti seterusnya dapat menjadi kayu pengukur kepada kemajuan sesebuah tamadun. Justeru, kajian mengenai pemertabatan bahasa kebangsaan adalah penting dengan melihat mekanisme kekuatan semangat kekitaan dan penghayatan sejarah


dalam memberi impak kepada pemartabatan bahasa kebangsaan ini. Kepentingan ini juga memandangkan Malaysia telah berdepan dengan pelbagai cabaran dan rintangan dalam mengukuhkan jati diri rakyat Malaysia multietnik. Maka, mekanisme semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dapat dijadikan faktor dalam memperkukuhkan identiti rakyat melalui bahasa.

Justeru, pengkaji mengukur pemartabatan bahasa kebangsaan melalui tiga dimensi yang dibentuk melalui sorotan-sorotan literatur. Tiga dimensi ini ialah:

- i. **Kefasihan** – mengukur kefasihan individu bertutur, membaca dan mengarang dalam bahasa Melayu serta dapat bertutur sepenuhnya dalam bahasa Melayu dengan lancar semasa berucap di majlis formal.
- ii. **Pengiktirafan** – mengukur perasaan bangga individu untuk bertutur dalam bahasa Melayu dan tidak malu untuk menggunakan bahasa tersebut.
- iii. **Kecanggihan berbahasa** – mengukur kemampuan individu untuk bersajak dan berpantun serta mampu menggunakan istilah-istilah baharu dan peribahasa.

Selain itu, memandangkan corak masyarakat Malaysia yang terdiri daripada pelbagai etnik, maka pengkaji turut ingin menganalisis faktor etnik sebagai moderator dalam hubungan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah terhadap pemartabatan bahasa kebangsaan. Faktor etnik amat berkait rapat dengan semangat kekitaan berdasarkan pertalian darah, walau bagaimanapun (Dhaouadi, 1997) mengatakan wujud modifikasi ikatan yang baru bagi semangat kekitaan ini, iaitu masyarakat multietnik. Justeru, semangat kekitaan yang diutarakan di dalam kajian ini ialah semangat kekitaan kebangsaan yang merujuk kepada penerimaan terhadap kaum lain sebagai sebangsa dengannya yang akan berkongsi kasih sayang, taat setia, kepatuhan, seterusnya sanggup mengajukan saranan dan berkorban demi rakan sebangsa dan tanah air. Pemupukan semangat kekitaan kebangsaan dan penghayatan sejarah yang kuat ini dapat memberi pengaruh kepada sikap untuk memartabatkan bahasa Kebangsaan. Justeru, moderator etnik dalam kehidupan moden kini yang lebih bersifat heterogen amat penting untuk turut dikaji. Maka, kerangka kajian (seperti di Rajah 3) telah dibentuk bagi menghuraikan pemboleh ubah-pemboleh ubah yang diadaptasi dalam kajian ini.

Rajah 3: Kerangka Kajian



1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini menumpukan ciri-ciri semangat kekitaan yang dibincangkan oleh Ibnu Khaldun 600 ratus tahun dahulu yang dipercayai kerelevanan fungsinya dalam menterjemah jatuh bangun sesebuah tamadun sehingga kini. Definisi semangat kekitaan yang khusus kepada pertalian darah menyebabkan pengaplikasian dalam masyarakat moden heterogen seakan terhad. Namun, Al-Roubaie (2009) tidak menafikan bahawa ciri-ciri semangat kekitaan ini dapat diaplikasikan dalam senario masyarakat moden heterogen kini. Walau bagaimanapun, masih wujud kekurangan dalam aktiviti-aktiviti intelektual dan penyelidikan berkenaan ideologi sains sosial Ibnu Khaldun ini (Alatas, 2014). Justeru itu, pengkaji mengambil inisiatif untuk mengaplikasikan ciri-ciri semangat kekitaan ini secara penyelidikan empirikal dalam mengungkap senario sebenar masyarakat multietnik di Malaysia dan hubung kaitnya dengan penghayatan sejarah yang turut dapat menyumbang sebagai simbol sepunya masyarakat Malaysia serta pemertabatan bahasa sebagai bahasa pemersatuan.

Kajian lepas banyak dijalankan bagi menguji perkaitan antara patriotisme dan nasionalisme (Blank & Schmidt, 2003; Karasawa, 2002; Schildkraut 2011); identiti nasional dipengaruhi oleh kesinambungan sejarah (Shin et al., (2014); hubungan pemahaman sejarah pergerakan nasional dengan sikap bela negara (Tuahunse, 2009), perkaitan sejarah dengan pemupukan identiti (Huang & Liu, 2004), identiti nasional (Condor, 2006; Karasawa, 2002; Semonin, 2000; Jetten & Hutchison, 2011; Sani et al., 2007) serta patriotisme (Nuan & Xin, 2012); hubungan identiti dengan bahasa (Brown & Sachdev, 2009; Hatoss & Sheely, 2009; Noro, 2009; Lai, 2011; Gu, 2011) dan semangat kekitaan mempengaruhi kesihatan individu (Hagerty, Williams, Coyne, & Early, 1996).

Di Malaysia pula, kajian mengenai patriotisme (Hamidah Ab Rahman, Norlin Ahmad, Nor Akmar Nordin, Norashikin Mahmud, Rozianah Shaari, & Shah Rollah Abdul Wahab, 2011), toleransi etnik (Mohd Azmir Mohd Nizah & Paimah Atoma, 2011); etos nasional (Mohd Mahadee, 2015); persepsi terhadap kursus-kursus wajib di IPT (Mohamad Azhari Abu Bakar et al. 2012; Sharliana Che Ani, Sofia Elias, Rusniyati Mahiyadin, Eliza Irdawaty Awang & Siti Noor Amyah Khasbullah, 2012), pengetahuan tentang sejarah negara dan empati sejarah (Mohd Mahadee, 2015; Siti Hawa Abdullah & Aini Hassan, 2008) dan pemertabatan bahasa kebangsaan (Ooi Chwee Hwa, Vijayaletchumy Subramaniam & Che Ibrahim Salleh, 2014; Mohd Noor Azli Ali Khan, et al., 2011; Norshimah Mat Awal, Nadzrah Abu Bakar & Nor Hashimah Jalaluddin, 2012) telah banyak dijalankan di Malaysia secara berasingan. Namun, pengkaji masih belum menemui kajian yang mengaitkan ketiga-tiga konteks ini (semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan) dalam satu kajian yang sama.

Justeru, perkaitan yang khusus antara semangat kekitaan, penghayatan sejarah dan pemertabatan bahasa kebangsaan masih kurang dikaji oleh kebanyakan sarjana sama ada dalam atau pun luar negara, walaupun peranan ketiga-tiga konteks ini sering dibincangkan perkaitannya secara teoretikal. Maka, satu kajian secara empirikal perlu

dijalankan bagi membuktikan perkaitan antara semangat kekitaan dan penghayatan sejarah yang dapat mempengaruhi pemertabatan bahasa kebangsaan dalam kalangan masyarakat multi-etnik di Malaysia.

Malahan, kajian ini juga merupakan usaha pengkaji untuk mengangkat teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun yang telah berusia ratusan tahun lama, namun kerelevanannya didapati setanding dengan konsep identiti nasional dan teori-teori kontemporari. Maka, kajian ini ingin menyahut usaha memartabatkan wacana Ibnu Khaldun dalam konteks semangat kekitaan, memandangkan pengaplikasian secara empirikal dalam situasi moden masih berkurangan. Sebagai mana kekhawatiran Alatas (2014);

“In the modern period, when there was more interest in Ibn Khaldun, his works generally not seen as sources of theories and concepts to be applied to the study of historical and contemporary empirical realities. Although Ibn Khaldun has been hailed in many quarters as a precursor and founder of sociology, a Khaldunian sociology has yet to develop”

Selain itu, pengkaji turut ingin menjelaskan bahawa tidak dinafikan tentang kepentingan bahasa Inggeris dalam memajukan negara terutamanya dalam persaingan di peringkat global. Namun, yang ingin ditekankan adalah peranan bahasa kebangsaan sebagai jati diri kekukuhan bangsa Malaysia yang terangkum peranan sebagai bahasa pemersatuan dan kemajuan menyeluruh yang dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi melalui keamanan dan keharmonian antara kaum yang menggunakan satu bahasa yang sama. Kesedaran ini bersandarkan kepada kemajuan yang perlu didahulukan adalah kemajuan domestik yang dapat dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia tanpa mengira kaum, strata sosial dan wilayah, seterusnya memberi impak kepada kegemilangan tamadun. Tambahan pula, antara ciri tamadun itu sendiri mempunyai bahasa yang dikongsi secara bersama oleh ahli organisasi sosialnya dan merupakan simbol identiti negara.

Kajian ini juga merupakan satu usaha untuk dijadikan tanda aras kepada pihak Kerajaan, badan-badan berkanun, badan-badan bukan Kerajaan (NGO) dan orang perseorangan dalam merangka pelan dan kempen-kempen bagi memperkukuhkan lagi semangat kekitaan, mendaulatkan lagi sejarah tanah air bagi membina kekuatan identiti bangsa Malaysia melalui bahasa Melayu sebagai bahasa Kebangsaan.

Kajian ini juga telah dijalankan ke atas mahasiswa IPT yang bakal menjadi peneraju dan penentu jatuh bangunnya tamadun Malaysia suatu masa kelak. Ia juga dapat dijadikan idea-idea kepada pelan jangka panjang dan jangka pendek daripada pihak Kerajaan dalam memperkembangkan lagi sistem pendidikan Negara dengan memberi tumpuan untuk mengeratkan lagi semangat kekitaan antara kaum dan meningkatkan lagi penghayatan sejarah melalui satu bahasa iaitu bahasa kebangsaan di peringkat IPT.

Selain itu, kajian ini diharap dapat memberikan sumbangan ilmiah dari sudut menyalurkan ilmu pengetahuan kepada masyarakat umum melalui pembentangan dan penerbitan artikel-artikel mengenai mekanisme dalam memperkukuhkan perpaduan kaum di Malaysia.

1.10 Skop dan Batasan Kajian

Kajian ini memberi fokus kepada semangat kekitaan dan penghayatan sejarah sebagai faktor penyumbang kepada pemartabatan bahasa kebangsaan kerana pengkaji mengambil kira perbincangan Ibnu Khaldun yang turut merupakan bidang pengajian pengkaji iaitu falsafah dan pengajian ketamadunan. Faktor semangat kekitaan yang dipilih bersandarkan kepada penelitian pengkaji terhadap karya Ibnu Khaldun, *Mukadimah* yang menekankan semangat kekitaan sebagai penentu kepada jatuh bangunnya sesebuah tamadun. Penghayatan sejarah pula dipilih kerana Ibnu Khaldun turut membicarakan tentang sejauh mana sejarah dapat memberi kesan kepada kekuatan semangat kekitaan masyarakat dalam sesebuah tamadun. Bahasa pula dijadikan sebagai impak daripada faktor semangat kekitaan dan penghayatan sejarah adalah kerana bahasa merupakan antara elemen paling asas yang perlu ada dalam sesebuah tamadun.

Kajian ini juga hanya mengkaji ciri-ciri semangat kekitaan yang dipercayai dominan oleh pengkaji dalam perbincangan Teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun. Selain itu, kajian ini merupakan satu kajian awal dalam membincangkan ciri-ciri di dalam teori semangat kekitaan Ibnu Khaldun yang dalam hemat pengkaji masih belum dikaji dari aspek empirikal. Justeru, pengkaji tidak menafikan kemungkinan terdapat ciri-ciri lain yang turut dapat mengukur teori Semangat Kekitaan Ibnu Khaldun, tetapi tidak dikaji di dalam kajian ini.

Kajian mengambil kira kawasan di sekitar Lembah Klang sahaja kerana kawasan Lembah Klang ialah tempat tumpuan IPT dan ini dipercayai dapat mewakili keseluruhan Semenanjung Malaysia. Manakala, Sabah dan Sarawak tidak dipilih sebagai lokasi kajian kerana negeri-negeri ini mempunyai perbezaan daripada segi perundangan bahasa dan pengalaman sejarah yang menyebabkan ia memerlukan satu kajian yang dijalankan secara berasingan.

Kajian ini juga hanya membincangkan tiga majoriti etnik di Malaysia iaitu Melayu, Cina dan India bagi memudahkan perbincangan penganalisan tentang tiga majoriti etnik utama yang amat berkait rapat dengan sejarah kepelbagaian kaum di Malaysia ini dapat dilakukan secara terperinci. Kajian juga hanya tertumpu kepada umur generasi muda dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun memandangkan kajian ini dijalankan ke atas mahasiswa IPT maka, lingkungan umur yang terlibat ini ialah lingkungan umur mahasiswa yang berada di IPT.

Selain itu, kajian ini mengukur dapatan secara laporan-sendiri (*self-report*). Pengkaji meminta responden menjawab sendiri borang soal selidik yang mana mereka sendiri yang akan memberikan penilaian terhadap diri mereka sendiri. Maka, wujud kemungkinan dapatan berbentuk berat sebelah (*bias*), namun, pengkaji telah berusaha untuk mengawal masalah ini dengan menjalankan prosedur kebolehpercayaan dan kesahan serta telah memenuhi syarat-syarat data empirikal.

1.11 Kesimpulan

Bahagian ini telah membincangkan teras kajian yang dijadikan sandaran untuk melaksanakan kajian. Pengkaji telah membincangkan latar belakang kajian mengenai kepentingan semangat kekitaan dan penghayatan sejarah dalam mempengaruhi pemartabatan bahasa kebangsaan. Pengkaji turut membincangkan isu-isu permasalahan dalam pemartabatan bahasa kebangsaan dan mengaitkannya dengan isu semangat kekitaan dan penghayatan sejarah. Seterusnya melalui perbincangan-perbincangan ini maka terbentuk persoalan-persoalan kajian yang menjadi panduan dalam pembinaan objektif-objektif serta hipotesis-hipotesis kajian. Definisi istilah secara konseptual dan operasional juga turut dibincangkan bagi memperjelaskan fokus yang ingin diketengahkan dalam kajian. Kepentingan kajian sebagai mengisi kelompangan kajian yang sedia ada turut dinyatakan serta pengkaji telah menerangkan skop dan batasan yang terdapat di dalam kajian ini.

Seterusnya, pengkaji akan mengolah sumber-sumber sekunder, iaitu bahan-bahan literatur yang meliputi perbincangan sarjana dan kajian-kajian lepas dalam memberi idea serta panduan kepada pengkaji.

RUJUKAN

- A. Aziz Deraman (2000). *Tamadun Melayu dan Pembinaan Bangsa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman (2010). *Wacana Peradaban Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- A. Aziz Deraman (2012). Warisan Budaya dalam Konteks 1 Malaysia. Dalam Abdul Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 109-132). Tanjong Malim: UPSI.
- Abdullah@Kassim Mohamad, Mokhtar Muhammad & Haliza Hassan (2002). *Laporan Akhir Kajian Tahap Patriotik Rakyat Malaysia: Kajian di Lembah Klang*. (Laporan penyelidikan tidak diterbitkan). UiTM, Shah Alam.
- Abdul Latiff Abu Bakar (2012). Jati Diri dan Patriotisme Berpaksikan Sejarah, Perlembagaan dan Dasar Kerajaan. Dalam Latiff Abu Bakar (Ed.), *Jati Diri dan Patriotisme Teras Peradaban Malaysia* (ms. 1-34). Tanjong Malim: UPSI.
- Abdul Latiff Abu Bakar (2016). Resolusi GAPENA Mengenai 'HIP' dan 'DLP' Cadangan 'PADU' dan 'PEMANDU'. Dalam Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan (Ed.), *Kami Bantah DLP* (ms. 72-74). Kuala Lumpur: Gapena & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Abdul Rahman Ibrahim (2011). *13 Mei 1969*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Jantan, Syed Jamal Abdul Nasir, Hashim Ahmad, & Jamilah Othman (2006). *Kajian Tentang Rasa Kekitaan di Kalangan Pelajar E-PJJ dan Hubungkaitnya dengan Pencapaian Akademik*. (Laporan penyelidikan tidak diterbitkan). UiTM, Shah Alam.
- Adorno, T. W., Frenkel-Brunswik, E., Levinson, D. J., & Sanford, R. N. (1950). *The Authoritarian Personality*. New York: Norton.
- Ahmad Ibrahim & Ahilemah Jones (1992). *Sistem Undang-undang di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Sohaimi Lazim & Mohd Syariefudin Abdullah (2011). Semangat Kejiranan Paksi Solidariti Impian Warga Merdeka. Himpunan kertas kerja di *Persidangan Kebangsaan Perpaduan Nasional* (ms. 541-557).
- Ahmad Sunawari Long (2008). *Sejarah Falsafah* (Edisi Kedua). Bangi: Penerbit UKM.
- Ain Nadzimah Abdullah, Heng, C. S. & Chun, C. M (2012). Linguistic Vitality of Bahasa Malaysia in an Integrated Society. *Prosiding Regional Conference on Cross Cultural Communication and National Integration* (ms. 495-544).

- Akbar Ahmed (2002). Ibn Khaldun's Understanding of Civilizations and the Dilemmas of Islam and the West Today. *The Middle East Journal*, 56(1): 20-45.
- Al-Quraisyiy, Ali (1996). *Malik bin Nabi dan Pergolakan Sosial Jilid 1*. Terjemahan oleh Mohd. Sofwan Amrullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia
- Al-Quraisyiy, Ali (2004). *Malik bin Nabi dan Pergolakan Sosial Jilid 2* (Cetakan Kedua). Terjemahan oleh Mohd. Sofwan Amrullah. Kuala Lumpur: Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
- Al-Roubaie, Amer (2009). Ibn Khaldun's Concept of 'Asabiyyah: A Solution to Contemporary Problems in Muslim Societies. *Proceedings International Conference Ibn Khaldun's Legacy and Its Significance* (ms. 319-350). Kuala Lumpur: ISTAC, IIUM.
- Alatas, Syed Farid (2006). Ibn Khaldun and Contemporary Sociology. *International Sociology*, 21(6): 782-795.
- Alatas, Syed Farid (2013). *Makers of Islamic Civilization: Ibn Khaldun*. India: Oxford University Press.
- Alatas, Syed Farid (2014). *Appying Ibn Khaldun: The Recovery of a Lost Tradition in Sociology*. New York: Routledge.
- Alatas, Syed Hussein (2001). *Cita Sempurna Warisan Sejarah*. Bangi: Penerbit UKM.
- Amir Hassan Dawi, (2004). Hubungan Etnik Di Institusi Pengajian Tinggi: Satu kajian Etnografi Habitus Dan Modal Budaya Di Kalangan Pelajar Berlainan Etnik. (Tesis PhD tidak diterbitkan). UKM.
- Anuar Ahmad, Siti Haishah Abd Rahman, & Nur Atiqah T. Abdullah (2009). Tahap Keupayaan Pengajaran Guru Sejarah dan Hubungannya dengan Pencapaian Murid di Sekolah Berprestasi Rendah. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 34(1): 53-66.
- Anwar Ridhwan (2016). Maccik Melur, Anaknya dan DLP. Dalam Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan (Ed.), *Kami Bantah DLP* (ms. 118-120). Kuala Lumpur: Gapena & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Arkib Negara (nd). Persada Kegemilangan Bahasa Melayu. Dicapai di <http://www.arkib.gov.my/persada-kegemilangan-bahasa-melayu2> pada 10 April 2013.
- Asmah Haji Omar (1989). *Perancangan Bahasa dengan Rujukan Khusus kepada Perancangan Bahasa Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar (2008). *Ensiklopedia Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Asyiqin Ab Halim & Roslan Mohd Nor (2012). Ibn Khaldun's Theory of 'Asabiyyah Within the Concept of Muslim Ummah. Kertas pembentangan dalam *International Conference Ibn Khaldun: Theoretical & Empirical Relevance*. Kuala Lumpur: UM.

- Awang Sariyan (2006). *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan (2011). Pembudayaan Bahasa dan Pembentukan Rupa Bangsa. Dalam Arba'ie Sujud, Adi Yasran Abdul Aziz, Ahmad Yusoff Buyong & Zaitul Azma Zainon Hamzah (Ed.). *Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu* (ms. 3-59). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.
- Awang Sariyan (2012). Persoalan Epistemologi dalam Disiplin Linguistik dan Relevansinya dengan Linguistik Melayu. Dalam Mohd Zaidi Ismail & Wan Suhaimi Wan Abdullah (Ed.). *Adab dan Peradaban: Karya Pengi'tirafan untuk Syed Muhammad Naquib al-Attas* (ms. 531-580). Selangor: MPH Publishing.
- Azizah Sarkowi (2012). *Penilaian Program Praktikum: Model Pembentukan dan Peningkatan Kualiti Guru Pra Perkhidmatan di Institusi Pendidikan Guru Malaysia* (Tesis PhD tidak diterbitkan). UUM.
- Azizi Yahaya, Amir Hamzah Abdul & Sanif Sapaat (2002). Sekolah Wawasan: Sejauh manakah Ia Mampu Melahirkan Generasi Bersatu Padu di Masa Akan Datang. Kertas Pembentangan *Seminar Hari Kemerdekaan MPTI Johor*. Diakses di <http://eprints.utm.my/2291/>.
- Baha Zain (2016). Bahasa Melayu Sekali Lagi Terumbang-Ambing. Dalam Abdullah Hassan & Zainal Abidin Borhan (Ed.), *Kami Bantah DLP* (ms. 106-117). Kuala Lumpur: Gapena & Persatuan Penterjemah Malaysia.
- Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, KPM (2015). *Analisis Keputusan SPM 2014: Sekolah Menengah Teknik Kolej Vokasional*. Putrajaya: KPM.
- Bamberger, Y. & Tal, T. (2009). The Learning Enviroment of Natural History Museums: Multiple Ways to Capture Students' Views. *Learning Environ Res. Journal*. 12: 115-129.
- Banyan, S. & Tamam, E. (2014). Komunikasi antara Etnik dan Tahap Prejudis dalam Kalangan Pelajar Universiti Awam. *Pertanika Mahawangsa*. 1(2): 197-206.
